

**Bil. 36**

**Rabu  
17 Julai 1996**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN  
PENGKAL KEDUA  
MESYUARAT KEDUA**

## KANDUNGAN

<b>JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN</b>	[Ruangan 1]
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1996) 1996	[Ruangan 18]
Jawatankuasa:	
Jadual—	
Maksud B.20	[Ruangan 33]
Maksud B.30 dan B.32	[Ruangan 33]
Maksud B.34	[Ruangan 33]
Maksud B.36	[Ruangan 48]
Maksud B.42 dan B.43	[Ruangan 51]
<b>USUL:</b>	
Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2) 1996	[Ruangan 18]
Jawatankuasa:	
Maksud P.17	[Ruangan 33]
Maksud P.28 dan P.32	[Ruangan 33]
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	[Ruangan 57]
<b>UCAPAN PENANGGUHAN:</b>	
Penggunaan Bahasa Kebangsaan Pada Papan Tanda Dan Iklan— Y.B. Tuan Tan Kok Wai (Cheras)	[Ruangan 57]

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,  
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI  
DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,  
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.  
(Kubang Pasu).

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, DATO' SERI  
ANWAR BIN IBRAHIM, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K.,  
D.M.P.N. (Permatang Pauh).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR. LING LIONG SIK, D.G.S.M.,  
S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerja Raya, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J.,  
D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR. LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,  
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK,  
P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH  
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI AMAR DR. HAJI SULAIMAN BIN HAJI  
DAUD, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'  
HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S.  
(Kuala Selangor).

„ Menteri Pendidikan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI  
ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P.,  
D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,  
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulau).

„ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN  
CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

„ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T.,  
J.P. (Bentong).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN  
DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N.  
(Kuala Rajang).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING,  
P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR. TING CHEW  
PEH, D.P.M.P. (Gopeng).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR,  
D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).

„ Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' HAJI ANNUAR BIN HAJI  
MUSA, S.I.M.P. (Peringat).

- Yang Berhormat Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATUK OSU BIN HAJI SUKAM, P.G.D.K. (Papar).
- „ Menteri Belia dan Sukan, TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak).
- „ Menteri Kesihatan, DATUK CHUA JUI MENG, S.M.J., D.I.M.P., P.I.S. (Bakri).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR. HAJI ABDUL HAMID BIN OTHMAN, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Menteri Pembangunan Usahawan, DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Jeli).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' DR. SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Paya Besar).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK RAILEY BIN HAJI JAFFREY, P.G.D.K., J.M.N. (Silam).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DR. LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' DR. ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' DR. SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' TENG GAIK KWAN, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR. FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' CHAN KONG CHOY, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tajah).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR. AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR. IBRAHIM BIN SAAD, D.M.S.M. (Tasek Gelugor).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATO' ABU BAKAR BIN DAUD, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATUK WIRA MOHD. ALI BIN MOHD. RUSTAM, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, CIK SITI ZAINAB BINTI ABU BAKAR, S.M.J. (Tebrau).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, TUAN IDRIS BIN JUSOH, P.J.K. (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MUHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN AZMI BIN KHALID, S.M.P., P.J.K. (Padang Besar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, DR. HAJI SHAFIE BIN MOHD. SALLEH, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' HISHAMUDDIN BIN TUN HUSSEIN, S.P.M.J. (Tenggara).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, DATO' ABU BAKAR BIN TAIB, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, TUAN TAN CHAI HO, K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATUK MOHD. SHAFIE BIN HAJI APDAL, P.G.D.K. (Semporna).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, PUAN SHAHRIZAT BINTI ABDUL JALIL (Lembah Pantai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN G. PALANIVEL, P.J.K. (Hulu Selangor).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN HAJI AWANG DAMIT (Labuan).
- „ TUAN ABDUL AZIZ BIN MOHD. YASSIN (Muar).
- „ TUN ABDUL GHAFAR BIN BABA, S.S.M. (Jasin).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIN BIN DATO' MOHD. SAID (Kuala Nerus).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN HAJI SULAIMAN, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).
- „ DATUK ABU SEMAN BIN HAJI YUSOF, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI ABU ZAHAR BIN DATO' NIKA UJANG, A.M.N. (Kuala Pilah).
- „ TUAN AHMAD HUSNI BIN MOHD. HANADZLAH, P.P.T., A.M.P. (Tambun).
- „ TUAN AHMAD KAMARUZAMAN BIN MOHAMED BARIA, P.J.K. (Jerantut).
- „ DATUK AHMAD ZAHID BIN HAMIDI, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok).
- „ PUAN AINON KHARIYAH BINTI DATO' MOHD. ABAS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- „ TUAN AKBARKHAN BIN ABDUL RAHMAN (Libaran).
- „ TUAN AMIHAMZAH BIN AHMAD (Lipis).

Yang Berhormat DATU AMIRKAHAR BIN TUN DATU HAJI MUSTAPHA (Marudu).

- „ TUAN ASMAT NUNGA (Beluran).
- „ DATO' HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan).
- „ TUAN HAJI BADRUL HISHAM BIN ABDUL AZIZ, A.S.A. (Hulu Langat).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHANG KON YOU (Ipoh Timor).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA, P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN CHIA KWANG CHYE (Bukit Bendera).
- „ TUAN CHIEW CHIU SING (Bintulu).
- „ DATO' JOSEPH CHONG CHEK AH, D.S.P.N. (Batu).
- „ PUAN CHUA SOON BUI (Tawau).
- „ TUN DAIM BIN HAJI ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ TUAN FU AH KIOW (Mentakab).
- „ TUAN HAMZAH BIN RAMLI (Sri Gading).
- „ DATO' HAJI HANAFI BIN RAMLI, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun).
- „ TUAN HASHIM BIN ISMAIL, P.P.N., P.I.S. (Ledang).
- „ TUAN HENRYNUS AMIN, A.D.K. (Kinabalu).
- „ DATO' HEW SEE TONG, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar).
- „ TUAN HO CHEONG SING, A.M.N. (Ipoh Barat).
- „ DATO' HON CHOON KIM, D.S.N.S. (Seremban).
- „ TUAN HOO SEONG CHANG (Kluang).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO' HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN JACOB DUNGAU SAGAN, P.P.B. (Baram).
- „ DATO' DR. HAJI JAMALUDDIN BIN DATO' MOHD. JARJIS, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JIMMY LIM @ JIMMY DONALD (Sri Aman).
- „ TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DATO' DR. KAMAL BIN SALLEH, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju).
- „ TUAN KAMARUDIN BIN AHMAD (Arau).

- Yang Berhormat TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ DR. L. KRISHNAN, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN LAU NGAN SIEW, A.D.K. (Sandakan).
- „ DR. LEE CHONG MENG (Bukit Bintang).
- „ DR. G. LEELAVATHI, A.M.N. (Kapar).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ TUAN VINCENT LIM KUO PHAU (Petaling Jaya Utara).
- „ PUAN LIM LAY HOON, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM SI CHENG, P.I.S. (Senai).
- „ TUAN LIM SIANG CHAI (Petaling Jaya Selatan).
- „ DATO' HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN MANSOR BIN MASIKON (Batu Pahat).
- „ DR. MAXIMUS JOHNITY ONGKILI, A.S.D.K., J.P. (Bandau).
- „ TUAN MD. ISA BIN SABU (Kangar).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA, B.B.S. (Bukit Mas).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Kubang Kerian).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Puteh).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ DATUK MOHD. SALLEH BIN TUN SAID, P.G.D.K. (Kota Belud).
- „ DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut).
- „ TUAN MOKHTARUDDIN BIN WAN YUSOF (Dungun).
- „ TUAN HAJI MUSTAFA BIN MUDA, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K., J.P. (Hulu Terengganu).
- „ TUAN HAJI NIK MOHD. AMAR BIN HAJI NIK ABDULLAH (Pengkalan Chepa).
- „ TUAN NOH BIN OMAR, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ DR. NUNGSARI BIN AHMAD RADHI (Balik Pulau).
- „ DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Beaufort).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DATO' OTHMAN BIN ABDUL, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ DR. PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN PAUL NOUTIN, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN PHILIP YONG CHEW LIP, A.D.K. (Gaya).



- Yang Berhormat DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N.,  
B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Tenom).
- „ DR. RAMLI BIN TAIB (Kemaman).
- „ MULIA TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K.,  
S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM, P.P.B. (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD, P.I.S. (Parit Sulong).
- „ DATO' SALAMON BIN SELAMAT, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah  
Alam).
- „ DR. SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ PUAN SERIPAH NOLI BINTI SYED HUSSIN (Sepang).
- „ DATUK S'NG CHEE HUA, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau).
- „ DATUK SONG SWEE GUAN, P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- „ CIK SUKINAM DOMO (Batang Sadong).
- „ DATO' HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED, D.J.M.K., J.P. (Machang).
- „ DR. TAN CHONG KENG (Bukit Mertajam).
- „ DR. TAN KEE KWONG (Segambut).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Cheras).
- „ DR. TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ DR. TAN YEE KEW (Kelang).
- „ TUAN TIONG THAI KING (Lanang).
- „ TUAN TUE SI @ CHANG SEE TEN, P.I.S. (Gelang Patah).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN, B.K.M. (Pokok Sena).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR, P.B.S. (Batang Lular).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ TUAN WONG KAM HOONG, K.M.N. (Bayan Baru).
- „ DATO' YAP PIAN HON, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang).
- „ DR. YAP YIT THONG, A.M.P., A.M.N. (Lumut).
- „ DR. YEE MOH CHAI (Tanjong Aru).
- „ TUAN YEONG CHEE WAH (Batu Gajah).
- „ TUAN YUNOF EDWARD MARINGKING (Tuaran).
- „ TUAN YUNUS BIN RAHMAT (Jelebu).
- „ DR. HAJI YUSOF BIN HAJI YACOB, A.D.K. (Sipitang).
- „ TUAN ZAINAL ABIDIN BIN OSMAN (Mersing).
- „ TUAN HAJI ZAINUDDIN BIN HAJI MOHAMAD NOR, S.M.K. (Pasir Mas).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN MOHD. SAID, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K.  
(Kuala Kedah).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat:	Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
Ketua Penolong Setiausaha:	Said bin Sidik.
Pmk. Ketua Penolong Setiausaha:	Abdullah bin Abdul Wahab.
Penolong Setiausaha Kanan:	Zamani bin Haji Sulaiman.

### CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan:	Azhari bin Hamzah.
Pelapor Perbahasan Parlimen:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Haji Suhor bin Husin. Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop. Hajah Supiah binti Dewak. Mohamed bin Osman. Hajah Norishah binti Mohd. Thani. Zaharah binti Naim. Norwahidah binti Azizi. Jainah binti Sakimin. Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop. Shamsina binti Janor.

### CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat:	Lt. Kol. (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib. Mejar (B) Zakaria bin Salleh.
--------------------	---

MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT

Rabu, 17hb Julai, 1996

Mesyuarat dimulakan pada pukul  
2.30 petang

D O A

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

**KOPERASI PEKEBUN KECIL  
(KPK)—KUASA TANAM SEMULA**

**1. Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan memandangkan banyak aduan dan rasa tidak puas hati timbul di kalangan pekebun-pekebun kecil, adakah kementerian berhasrat mengkaji dan menimbang semula sistem pelaksanaan kerja pembangunan tanam semula RISDA yang memberi kuasa kepada Koperasi Pekebun Kecil (KPK) untuk mengendalikan kerja sejak 1.1.1995.

**Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar (Dato' K. Kumaran):** Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk menjalankan kerja pembangunan tanam semula, pihak RISDA berusaha supaya kebun-kebun kecil dikumpulkan supaya dapat dibuat pembangunan secara kumpulan. Namun begitu, bukan semua pekebun kecil dapat disatukan sedemikian rupa. Masih terdapat pekebun kecil yang mahu mengusahakan kebun mereka secara individu terutama yang terpencil atau berjauhan dari kumpulan kebun-kebun yang dikumpulkan pembangunannya.

Hanya kebun tanaman semula yang berkumpulan sahaja yang diserahkan kepada koperasi pekebun kecil dengan persetujuan mereka sendiri untuk menjalankan kerja pembangunannya. Biasanya pengurusan kerja kumpulan itu dijalankan oleh satu jawatankuasa yang dipilih oleh pekebun kecil yang menyertai program berkenaan.

Peserta tanaman semula berkumpulan juga biasanya menjadi ahli koperasi pekebun kecil. Maka adalah wajar pengurusan kebun secara berkelompok dan kerja pembangunan dijalankan oleh pekebun kecil sendiri melalui koperasi pekebun kecil. Walau bagaimanapun, pekebun kecil yang menjalankan kerja penanaman semula secara individu masih berhak untuk berbuat demikian dan koperasi pekebun kecil tidak diberi kuasa untuk membangunkan kerja tanaman semula di atas kebun individu ini. Rata-rata hampir separuh peserta tanaman semula masih dijalankan secara individu.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua, bercakap berkenaan dengan RISDA ini, saya dengar cerita dan saya difahamkan bahawa ada ura-ura RISDA ini hendak diswastakan. Adakah pihak kementerian mengkaji secara mendalam kerana yang mengeluarkan titik peluh adalah pekebun-pekebun kecil tetapi apabila diswastakan, kalau diswastakan kepada koperasi pekebun kecil ini agak baik, tetapi kalau diswastakan kepada individu adalah tidak adil kerana titik peluh orang yang menjadi peserta pekebun ini akhirnya akan dimiliki oleh seorang individu? Soalannya, adakah RISDA ini perlu di 'privatise' kan? Ataupun adakah rancangan untuk hendak 'corporatise' kan RISDA ini demi untuk kebaikan peserta pekebun kecil ini?

**Dato' K. Kumaran:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana lain-lain badan,

kerajaan mempunyai hasrat untuk mengkorporatkan ataupun menswastakan RISDA. Walau bagaimanapun, satu kajian telah dijalankan dan cadangan-cadangan dikemukakan kepada EPU dalam Jabatan Perdana Menteri. Saya boleh memberi jaminan di sini bahawa apabila RISDA dikorporatkan tidak ada kesusahan akan dialami kepada peserta-peserta ataupun pekerja-pekerja yang menikmati faedah melalui sistem yang ada sekarang.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau mengikut jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi setiap pemohon tanam semula ataupun pekebun-pekebun kecil sendiri ada berhak untuk tanam semula bagi diri sendiri, tetapi adakah Yang Berhormat sedar banyak permohonan pekebun kecil sendiri untuk memohon tanam semula tidak akan diluluskan jika tidak melalui koperasi pekebun kecil. Jadi, soalan saya ialah bolehkah kerajaan mengumumkan prosedur untuk tanam semula, sama ada apa kategori patut melalui koperasi pekebun kecil ataupun kategori mana yang boleh diusahakan oleh pekebun kecil sendiri?

**Dato' K. Kumaran:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar permohonan ini mesti melalui koperasi, kalau tidak, kerajaan tidak meluluskan untuk tanaman semula. Sehingga kita buat satu siasatan, saya tidak berhajat untuk memberi jaminan di sini untuk mengumumkan prosedur baru. Walau bagaimanapun, kementerian saya akan menyiasat perkara ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Tuan Kamarudin bin Ahmad.

*(Soalan No. 2—Y.B. Tuan Kamarudin bin Ahmad tidak hadir)*

### MAHKAMAH KELUARGA (FAMILY COURT)—PENUBUHAN

**3. Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan adakah kerajaan merasa tidak perlu untuk disegerakan penubuhan Mahkamah Keluarga (Family Court) untuk dua perkara pokok berkaitan undang-undang keluarga iaitu:

- (a) masalah nafkah untuk isteri dan anak-anak yang ditinggal; dan
- (b) masalah hak dan penjagaan anak-anak.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Tuan G. Palanivel):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini masalah nafkah untuk isteri dan anak-anak yang ditinggal, masalah hak dan penjagaan anak-anak dan masalah pembahagian harta sepencarian dirujuk kepada Biro Bantuan Guaman dan Jabatan Agama Islam negeri masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, dari tahun 1990 hingga 1995, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) ada menjalankan perkhidmatan kaunseling bagi kes-kes perbalahan keluarga dan didapati hanya segelintir keluarga yang datang mendapatkan perkhidmatan JKM khususnya masalah nafkah dari suami.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan untuk menubuhkan Mahkamah Keluarga, kerajaan belum membuat apa-apa keputusan sebab cadangan tersebut masih dalam peringkat kajian.

### IKAN AIR TAWAR DAN LAUT— USAHA MENAMBAH PENGELUARAN

**4. Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)** minta Menteri Pertanian menerangkan dasar-dasar dan usaha-usaha

untuk menambahkan pengeluaran ikan termasuk ikan air tawar dan ikan laut dalam. Apakah insentif-insentif dan subsidi-subsidi yang diberi kepada perusahaan ini.

**Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor):** Tuan Yang di-Pertua, pengeluaran ikan negara telah mengalami pertambahan yang agak pesat, iaitu hampir dua kali ganda dalam tempoh 10 tahun, iaitu daripada 632,464 tan metrik pada tahun 1985 kepada 1,183,000 tan metrik bernilai RM2,782 juta pada tahun 1994. Peningkatan dalam pengeluaran adalah sumbangan oleh pertambahan pengeluaran dan perikanan laut dalam dan juga akuakultur.

Menyedari hakikat bahawa pengeluaran ikan perlu dipertingkatkan lagi sebagai salah satu usaha bagi membendung inflasi, dan negara masih berpotensi untuk mempergiatkan aktiviti perikanan laut dalam dan akuakultur. Pihak Kementerian Pertanian telah mengambil langkah-langkah bagi merumuskan semula strategi pembangunan industri perikanan laut dalam dan akuakultur untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Industri perikanan khususnya perikanan laut dalam dan akuakultur akan diberikan tumpuan untuk dibangunkan secara komersil dan bersepadu.

Antara usaha-usaha yang sedang dan akan diambil ialah:

- (a) mengkaji dan mengubahsuai dasar polisi yang sedia ada ke arah mengatasi segala halangan dan masalah yang tersebut;
- (b) menyediakan pelan tindakan yang komprehensif dan menyeluruh bagi perikanan laut dan juga akuakultur;
- (c) mengenal pasti dan memperuntukkan kawasan-kawasan yang sesuai, khusus

untuk pembangunan akuakultur di seluruh negara;

- (d) menggalakkan pembangunan secara komersil dan bersepadu yang merangkumi perkhidmatan sokongan industri hiliran dan huluan yang berkaitan;
- (e) mengeksploitasi sumber perikanan secara optima, dan mengambil kira faktor kemampuan sumber dengan mengutamakan kawasan yang kurang diterokai;
- (f) menggalakkan penerokaan laut dalam hingga perairan antarabangsa;
- (g) menyediakan perkhidmatan sokongan, seperti kompleks pendaratan dan lain-lain kemudahan;
- (h) menyusun semula struktur industri perikanan dengan menggabungkan nelayan-nelayan kecil di bawah satu konsortium bagi membolehkan mereka meneroka perairan laut dalam secara komersil dan berdaya saing;
- (i) memperkenalkan teknologi yang lebih baik dan berkesan melalui penyelidikan dan pembangunan R&D, dengan izin, dan pemindahan teknologi melalui khidmat nasihat, kursus dan latihan.

Bagi menyokong pertumbuhan industri perikanan, beberapa skim galakan dan insentif telah disediakan oleh kerajaan, seperti:

- (a) kemudahan pinjaman melalui Tabung Makanan 'Fund of Food' dengan izin;
- (b) Skim Pinjaman Khas Pertanian melalui Bank Pertanian;

- (c) penglibatan agensi kerajaan dalam penyediaan infrastruktur asas seperti kompleks pendaratan dan jeti-jeti, khidmat nasihat dan kursus serta aktiviti penyelidikan dan pembangunan;
- (d) mengadakan beberapa insentif di bawah Akta Galakan Pelaburan 1986 dan Akta Cukai Pendapatan 1967.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita mendengar bahawa hasil tangkapan ikan—yang terlibat ialah orang tengah telah menyebabkan jumlah ataupun harga ikan pasaran tempatan menjadi begitu mahal. Apakah pihak kementerian sedang merangka satu strategi bagi menghapuskan penglibatan orang tengah ini dan seterusnya memberikan suatu pulangan yang baik kepada nelayan-nelayan tempatan dalam usaha menambah pendapatan mereka?

**Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya peranan orang tengah amat penting dalam sesuatu perniagaan, sesuatu kegiatan komersil. Tetapi apa yang kementerian saya beri perhatian supaya orang tengah itu hendaklah memainkan peranannya dengan tidak menghisap darah orang-orang lain. Jadi, dengan sebab itu, mungkin apa yang sedang dijalankan oleh kementerian melibatkan diri dengan mempergiatkan gerakan koperasi nelayan itu sendiri, iaitu Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) akan digerakkan supaya lebih banyak lagi mereka menyertai pasar tani-pasar tani, iaitu menjual secara langsung hasil tangkapan mereka, di mana orang-orang tengah sendiri saya rasa akan dikawal seberapa mampu yang boleh bagi mengelakkan mereka mengambil tindakan khususnya keuntungan yang berlebihan.

Kerana peranan orang tengah, sebagaimana yang kita ketahui bukan

setakat menjual ikan, tetapi mereka sering memberi modal kepada nelayan-nelayan dan mereka sering memberi bantuan-bantuan kebajikan, terutama pada musim tengkujuh. Jadi, peranan mereka penting. Tinggal lagi kita hendakkan supaya mereka tidak mengambil kesempatan atas nelayan-nelayan miskin.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, mohon penjelasan tambahan daripada Timbalan Menteri. Sungguhpun harga ikan selalu melambung, tetapi pendapatan sebenarnya nelayan-nelayan kita masih pada tahap yang miskin atau rendah. Jadi, mungkin ini disebabkan oleh pendekatan oleh Kementerian Pertanian sendiri bahawa nelayan-nelayan mesti bersatu di bawah Persatuan Nelayan. Jadi, untuk membaiki nasib nelayan ini, adakah kerajaan berhasrat untuk mengubah pendekatan baru dalam persatuan nelayan. Misalnya dari segi nama, daripada Persatuan Nelayan kepada 'Persatuan Industri Perikanan' demi untuk menjaga kepentingan nelayan itu sendiri.

**Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Apa pandangan kita, seseorang itu miskin bukan kerana dia itu miskin harta benda. Kemiskinan seseorang itu biasanya diikuti oleh kemiskinan ilmu pengetahuan dan teknologi. Jadi, pada kementerian tidak ada apa pada nama. Yang pentingnya kita mesti membangunkan masyarakat nelayan itu dengan ilmu dan teknologi-teknologi yang lebih kedepan. Jadi, dengan sebab itu, Persatuan Nelayan akan dikekalkan, iaitu kita akan teruskan dengan nama Persatuan Nelayan dari peringkat kawasan, peringkat negeri dan juga peringkat nasional.

Tetapi apa yang sedang kita usahakan ialah supaya nelayan-nelayan miskin ini mesti diperkayakan dengan sikap dan juga dengan semangat, supaya dengan

semangat dan sikap ini mereka akan bersatu di bawah Persatuan Nelayan dan peranan sebagaimana yang saya sebutkan tadi akan dapat ditingkatkan lagi sekurang-kurangnya dapat mengimbangi peranan yang dimainkan oleh orang-orang tengah yang sentiasa mengambil kesempatan. Sesetengahnya mungkin kita boleh bergabung dengan pihak orang-orang tengah untuk mengelakkan daripada kemiskinan yang sentiasa dimiliki atau dipusakai oleh nelayan-nelayan.

#### **LEBUH RAYA UTARA— SELATAN—KAJI SEMULA KONSESI**

**5. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada konsesi Lebuhraya Utara-Selatan boleh dikaji semula, sebagaimana yang berlaku pada konsesi penswastaaan pembedungan kebangsaan yang telah diberikan kepada Indah Water Konsortium supaya memastikan bahawa kadar tol yang dikenakan oleh PLUS tidak berat sebelah dan bertentangan dengan kepentingan orang ramai dan sila nyatakan kedudukan mengenai permintaan PLUS untuk menaikkan kadar tol setinggi 33 peratus untuk tahun ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya (Tuan Yong Khoo Seng):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perjanjian konsesi Lebuhraya Utara-Selatan telah ditandatangani di antara kerajaan dengan UEM Bhd. pada 18hb Mac 1988 dan konsesi ini telah diinovasikan kepada PLUS Bhd. Di bawah penswastaaan projek Lebuhraya Utara-Selatan sepertimana penswastaaan projek-projek lebuhraya, ianya tidak melibatkan pemindahan hak milik sebarang aset seperti tanah kepada syarikat konsesi. Apa yang diberi kepada PLUS ialah obligasi membina lebuhraya dan hak untuk mengutip tol daripada pengguna-pengguna lebuhraya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan tidak boleh menukar syarat-syarat konsesi Lebuhraya Utara-Selatan secara 'unilateral' dengan izin, tanpa persetujuan syarikat konsesi. Sebenarnya kerajaan telah cuba merunding semula perjanjian konsesi, tetapi perkara ini tidak dapat dilakukan tanpa persetujuan daripada setiap bank-bank atau institusi-institusi kewangan yang membiayai projek penswastaaan ini.

Sekiranya syarat dan terma perjanjian konsesi dipinda tanpa persetujuan institusi-institusi kewangan yang memberi pinjaman kepada PLUS, PLUS boleh dianggap sebagai melakukan default, dengan izin dan pihak peminjam boleh meminta balik sekaligus semua pinjaman yang telah dikeluarkan.

Sekiranya PLUS tidak dapat berbuat demikian, maka kerajaan terpaksa mengambil alih semua liabiliti pinjaman PLUS Bhd. Dalam keadaan ini kerajaan akan dibebankan dengan pembayaran balik hutang PLUS.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan isu kenaikan tol, kerajaan amat peka mengenai kesannya ke atas pengguna-pengguna Lebuhraya Utara-Selatan. Oleh yang demikian, kerajaan sedang mengkaji dan menimbangkan perkara ini dengan terperinci. Saya akan memaklumkan keputusan mengenai kenaikan tol untuk tahun ini setelah semua aspek dipertimbangkan dengan halus dan perkara ini dipersetujui oleh jemaah menteri.

**Tuan Lim Kit Siang:** Mengenai permohonan PLUS untuk menaikkan tol untuk tahun ini yang sudah ditangguhkan enam setengah bulan, bukannya benar bahawa kalau konsesi ini tidak dikaji semula mengikut concession yang ditandatangani, sungguhpun permohonan menaikkan kadar tol PLUS belum diluluskan oleh kerajaan tetapi oleh kerana

apa yang ada di dalam perjanjian, kerajaan perlu untuk membayar ganti rugi kepada PLUS oleh kerana permohonan menaikkan tol 33% belum diluluskan untuk enam setengah bulan ini dan mungkin lebih daripada RM100 juta. Bolehkah Yang Berhormat memberitahu angka yang sebenar setiap bulan dalam tahun ini di mana permohonan penambahan kadar tol tidak diluluskan, angka ganti rugi yang perlu dibuat untuk enam bulan ini? Adakah sampai RM150 juta dan bukannya benar bahawa dalam tempoh konsesi 30 tahun ini, PLUS akan mengutip antara RM120 bilion kepada RM150 bilion sebagai tol dibanding dengan pembayaran hutangnya ialah tidak lebih daripada RM20 bilion sahaja? Satu keuntungan yang sangat besar. Bukankah ini perlu menjadi alasan untuk mengkaji semula konsesi ini?

**Tuan Yong Khoon Seng:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang adalah satu kerajaan yang bertanggungjawab. Apa yang termaktub dalam konsesi kita perlu juga menunaikan semua syaratnya. Mengenai angka yang ditanya oleh Ahli Yang Berhormat, saya tidak ada dalam tangan saya. Saya akan memberikan secara bertulis.

#### KLOFFE DAN KLIBOR

**6. Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis (Rompin)** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk menggalakkan lagi urusan di bursa opsyen KLOFFE dan KLIBOR.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Dr. Shafie bin Haji Saleh):** Tuan Yang di-Pertua, jawapan mengenai pertanyaan ini telah pun dijawab pada 11hb Julai 1996 semasa menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau. Dengan itu saya tidak berhasrat untuk mengulangi jawapan itu. *(Tepuk) (Ketawa)*

#### INFRASTRUKTUR SUKAN KOMANWEL— PERKEMBANGAN PENYIAPAN

**7. Tuan Zainal Abidin bin Haji Osman (Mersing)** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan perkembangan penyediaan infrastruktur dan kemudahan untuk Sukan Komanwel 1998. Bagaimanakah pemilihan dan latihan para petugas Sukan Komanwel 1998 dilakukan bagi menjayakan perjalanannya nanti.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan (Puan Shahrizat binti Abdul Jalil):** Tuan Yang di-Pertua, suka saya maklumkan bahawa kerja-kerja penyediaan infrastruktur khususnya venue pertandingan Sukan Komanwel 1998 di Kuala Lumpur yang mana kementerian bertanggungjawab secara langsung dalam menyediakannya serta kemudahan-kemudahan lain yang berkaitan kini sedang berjalan dengan lancar. Walaupun terdapat sedikit kelewatan ke atas kemajuan pelaksanaan beberapa venue, namun ianya masih berada di dalam kawalan.

Sementara itu, program latihan kepada pegawai-pegawai teknikal yang akan bertugas semasa Kuala Lumpur 1998 telah pun bermula sejak tahun lepas lagi. Program ini dilaksanakan oleh Majlis Sukan Negara bersama-sama dengan Sukom 98 Bhd. dan persatuan-persatuan sukan yang berkenaan. Pegawai-pegawai yang terbabit telah dikenal pasti sendiri oleh persatuan sukan masing-masing. Di samping itu, pihak Sukom 98 Bhd. telah pun merangka pelan tindakan ke atas program latihan kepada para sukarelawan. Program ini akan dilancarkan pada bulan Ogos 1996.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Sports psychology ini amatlah penting untuk olahragawan dan olahragawati kita untuk menghadapi apa jua sukan, apatah lagi kita akan menghadapi Sukan Komanwel. Adakah pihak kementerian bersiap sedia ataupun telah memilih pegawai-pegawai sports



psychology ini untuk membantu peserta-peserta kita menghadapi Sukan Komanwel?

**Puan Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, Majlis Sukan Negara mempunyai kepakaran dalam semua bidang yang terbabit dengan kesukanan di dalam negeri ini. Walau bagaimanapun, saya berjanji bahawa akan sendiri melawat MSN supaya memastikan ada pegawai-pegawai sports psychology ini supaya dapat menggerakkan lagi atlet kita untuk menghadapi Sukan Komanwel.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya ingin bertanya tentang persiapan pihak kerajaan dalam membina lab untuk menguji sama ada para atlet menggunakan dadah atau chemicals yang dilarang oleh pertubuhan sukan antarabangsa? Sejauh manakah pihak kerajaan bersiap sedia kerana ini memerlukan teknologi perubatan yang amat tinggi? Adakah pihak kerajaan menghadapi masalah menubuhkan lab tersebut dan jumlah wang yang akan dibiayai oleh kerajaan untuk tujuan itu?

**Puan Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, persiapan untuk dengan izin, doping centre yang dikhaskan di USM berjalan dengan lancar dan ingin saya maklumkan di sini bahawa ianya diterajui oleh seorang pakar wanita dan daripada laporan yang diterima, buat masa ini tidak mempunyai apa-apa masalah.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Tuan Tiong Thai King.

*(Soalan No. 8—Y.B. Tuan Tiong Thai King tidak hadir)*

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 7. No. 8.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** No. 9 Tuan Yang di-Pertua. *(Disorak)*

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Nombor pun sudah tidak ketahuan.

#### INTERNET BERUNSUR LUCAH— LANGKAH KERAJAAN

**9. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) apakah langkah kawalan yang dirancangkan oleh kerajaan bagi mengawal kemasukan unsur-unsur lucah di dalam rangkaian Internet ke Malaysia; dan
- (b) Internet di Malaysia adalah sesuatu yang baru mula berkembang galakan dan subsidi amat diperlukan bayaran tambahan dari Syarikat Telekom Malaysia adalah tidak perlu.

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Law Hieng Ding):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, MIMOS sebagai pengendali rangkaian Internet di Malaysia telah mengambil langkah yang sewajarnya untuk menutup saluran kepada pangkalan maklumat yang dikenal pasti mengandungi bahan lucah. Namun demikian, oleh kerana terlalu banyak pangkalan maklumat yang berkenaan yang sentiasa berubah-ubah adalah sukar untuk menjamin keberkesanan yang seratus peratus.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar yuran internet melalui Jaring di Malaysia adalah antara yang terendah di dunia. Ini juga merupakan satu usaha kerajaan untuk menggalakkan penggunaan internet. Kerajaan melalui Syarikat Telekom Malaysia telah

memperkenalkan kadar panggilan telefon istimewa untuk faedah pengguna internet di Malaysia. Tindakan ini merupakan sesuatu yang unik kepada Malaysia. Ini memandangkan bahawa kerajaan sangat prihatin untuk menggalakkan pengguna internet.

**Tuan Lim Kit Siang:** Oleh kerana ada beberapa negara sudah ada undang-undang untuk menghalang komunikasi bahan-bahan Internet semacam di Singapura dan undang-undang ini tentulah ada kesan yang buruk untuk perkembangan Internet. Bolehkah kerajaan memberi satu jaminan bahawa tidak berhasrat untuk mengikut contoh semacam itu dan akan memberi kebebasan untuk perkembangan Internet?

**Datuk Law Hieng Ding:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas perhatian Yang Berhormat dari Tanjong. Undang-undang mengenai Internet ini sedang dalam gubalan termasuklah juga undang-undang untuk mengawal teknologi maklumat dan kita akan mengambil perhatian apa yang diutarakan oleh Yang Berhormat.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Tuan Yang di-Pertua, selain dari Telekom Malaysia yang telah dipilih sebagai satu 'Internet gateway' yang kedua bagi Malaysia. Saya hendak tanya sama ada syarikat telekomunikasi yang lain akan dipilih sebagai satu lagi Internet gateway bagi Malaysia. Jika ada syarikat mana yang telah memohon lesen itu?

**Datuk Law Hieng Ding:** Tuan Yang di-Pertua, memang banyak pihak yang mempunyai minat untuk mengadakan atau berusaha dalam bidang Internet ini. Walau bagaimanapun, Telekom Malaysia merupakan syarikat yang kedua dipilih untuk menjalankan Internet ini. Kerajaan akan menimbang atau mengkaji semula setiap tahun mengenai perkembangan selepas ada dua syarikat yang menjalankan Internet ini.

#### **KENDERAAN PERSENDIRIAN/ AWAM MELEBIHI 10 TAHUN— PEMERIKSAAN SECARA BERKALA**

**10. Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) untuk membantu mengatasi kemalangan di jalan raya, adakah cadangan untuk kenderaan persendirian termasuk milik kerajaan yang dikendalikan oleh SPANCO diperiksa secara berkala terutamanya yang melebihi 10 tahun dan sekiranya ada, bolehkah PUSPAKOM memberi perkhidmatan percuma untuk tempoh bilangan tertentu sebagai percubaan; dan
- (b) berapakah jumlah kenderaan berdaftar sehingga Mei, 1996, berapakah jumlah kenderaan perdagangan (lori, treler, bas dan teksi) persendirian dan kenderaan milik kerajaan yang terlibat dengan kemalangan (biasa dan maut) dalam tahun 1995 hingga Mei, 1996.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan (Tuan Chor Chee Heung):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Setakat ini kerajaan tidak berhasrat untuk mensyaratkan kenderaan-kenderaan persendirian bagi menjalani pemeriksaan berkala setiap enam bulan seperti yang ditetapkan kepada kenderaan perdagangan.
- (b) Jumlah kenderaan berdaftar sehingga Mei 1996 adalah sebanyak 7,191,525 buah. Jumlah kenderaan perdagangan termasuk lori, treler, bas dan teksi dan kenderaan persendirian yang terlibat dengan kemalangan sama ada biasa ataupun dalam kes maut

pada tahun 1995 hingga April, 1996 adalah seperti berikut:

Jenis Kenderaan	Kemalangan	
	1995	1996 hingga (April)
Lori	25,944	9,235
Treler	1,647	817
Bas	10,236	3,615
Teksi	5,383	1,932
Motokar	138,425	53,933
Motosikal	66,508	24,905

Manakala jumlah penumpang dan pemandu maut adalah seperti berikut:

Tuan Yang di-Pertua, agak panjang sedikit.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Panjang sangatkah, Yang Berhormat?

**Tuan Chor Chee Heung:** Sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua,—jika tidak dapat habis, saya akan beritahu melalui jawapan bertulis.

Tuan Yang di-Pertua, maklumat mengenai jumlah kenderaan milik kerajaan yang terlibat dalam kemalangan jalan raya tidak dapat diberi memandangkan maklumat-maklumat mengenainya masih belum selesai diproses.

**Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kementerian sedar bahawa ada penipuan berlaku semasa pemeriksaan dilakukan ke atas kenderaan awam, umpamanya tayar, tempat duduk bas itu dipinjamkan oleh rakan lain dahulu dan selepas lulus pemeriksaan tayar, tempat duduk dan berbagai-bagai lagi dikembalikan semula? (*Ketawa*)

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, PUSPAKOM adalah sebuah syarikat yang bertanggungjawab untuk menjalankan pemeriksaan ke atas kenderaan-kenderaan perdagangan. Memang ada juga terdapat sedikit-sebanyak dakwaan baru-baru ini, iaitu

ramai pemilik kenderaan perdagangan melalui cara penipuan dapat diluluskan dalam pemeriksaan. JPJ memang sedar dan sedang menyiasat perkara ini.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat dahulu, sebelum tahun 1994, kenderaan-kenderaan perdagangan ini hendaklah diperiksa dahulu barulah road tax (LKM) diluluskan pembeliannya. Tetapi apabila PUSPAKOM mengambil alih pemeriksaan bahagian kenderaan perdagangan dan Kenderaan Perkhidmatan Awam (KPA), PUSPAKOM boleh memeriksa bila-bila masa dan road tax boleh diperbaharui bila-bila masa. Jadi, tidaklah menjadi syarat supaya kenderaan perdagangan ataupun perkhidmatan awam itu diperiksa dahulu barulah road taxnya diperbaharui, oleh kerana terdapat beberapa kemalangan dahsyat yang membawa maut dan sebagainya yang melibatkan kenderaan KPA ini, contohnya dua hari yang lepas kemalangan di Genting Highlands telah meragut 17 nyawa. Adakah kementerian bercadang untuk mensyaratkan supaya kenderaan-kenderaan perkhidmatan awam (KPA) dan juga kenderaan perdagangan diperiksa dahulu, setelah lulus diperiksa barulah diperbaharui road taxnya untuk mengelakkan sebarang penyelewengan yang mungkin berlaku di dalam PUSPAKOM sendiri?

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, ingin saya mengatakan di sini iaitu PUSPAKOM adalah sebuah syarikat yang dilantik oleh kerajaan untuk menjalankan tanggungjawab seperti pemeriksaan kereta-kereta perdagangan dan juga kereta-kereta perkhidmatan awam.

Dari segi penyelewengan di kalangan PUSPAKOM, ini memanglah satu perkara yang masih tidak mempunyai bukti, walaupun terdapat sedikit-sebanyak dakwaan oleh sesetengah pihak seperti saya katakan tadi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat di sini, baru-baru ini JPJ telah menjalankan siasatan mengenai apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Larut tadi dan juga termasuk dakwaan-dakwaan iaitu mengenai penyelewengan di kalangan PUSPAKOM.

Buat masa ini, saya tidak dapat memberi satu jawapan yang tepat sebab siasatan masih dijalankan dan mengenai cadangan oleh Yang Berhormat dari Jelevu mungkin ianya dapat dipertimbangkan selepas kita menamatkan segala kerja penyiasatan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, Yang Berhormat dari Jelevu membangkitkan soal kemalangan di Genting Highlands dua hari yang lalu, yang melibatkan bas. Cuma saya ingin memberitahu iaitu kemalangan atau tragedi di Genting Highlands dua hari yang lalu itu tidak semestinya menunjukkan pihak PUSPAKOM tidak menjalankan tanggungjawabnya dengan baik sebab terdapat faktor-faktor lain yang menyebabkan 'brake' dalam kenderaan yang berkenaan 'tidak makan'. Seperti kita sedia maklum dalam surat khabar, kita baca iaitu 'brake tidak makan' dalam kenderaan itu....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat 'brake' macam mana 'makan' itu. (*Ketawa*)

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, maksud saya ialah brake tidak berfungsi dengan baik. Tetapi, walau bagaimanapun terdapat lagi faktor lain, seperti saya katakan kelicinan jalan yang boleh menyebabkan brake dalam kenderaan berkenaan tidak berfungsi. Oleh yang demikian, kita tidak boleh secara menyeluruh mengatakan oleh kerana penyelewengan di kalangan pihak PUSPAKOM, maka tragedi ataupun kemalangan kerap berlaku.

### PEGAWAI PERUBATAN/ JURURAWAT KONTRAK— PENGECCUALIAN LEVY

**11. Dr. G. Leelavathi (Kapar)** minta Menteri Kesihatan menyatakan mengenai laporan bahawa Kementerian Kesihatan tidak akan mengenakan "levy" kepada doktor dan jururawat dari luar negara. Jika ianya benar, bilakan sistem ini akan mula dipraktikkan.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman):** Tuan Yang di-Pertua, mesyuarat Jemaah Menteri yang bersidang pada 19hb Mei, 1996 telah bersetuju pegawai perubatan dan jururawat kontrak asing yang berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan dikecualikan daripada membayar levy. Pengecualian tersebut adalah telah berkuatkuasa mulai Januari 1996.

Berkaitan dengan pelaksanaannya, ini melibatkan Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Imigresen oleh kerana ianya terletak di bawah Akta Fee 1991 dan dengan itu peng wartaan ke atasnya adalah diperlukan selepas mana boleh dilaksanakan segera oleh Kementerian Dalam Negeri dan pihak imigresen.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Tuan Haji Mohamad bin Sabu.

(*Soalan No. 12—Y.B. Tuan Haji Mohamad bin Sabu tidak hadir*)

### PERMOHONAN PENUBUHAN UNIVERSITI SWASTA— BILANGAN

**13. Dato' Haji Zakaria bin Mohd Said (Kuala Kedah)** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) jumlah permohonan bagi mewujudkan universiti swasta setakat ini; dan

- (b) apakah syarat-syarat kelayakan bagi mewujudkan universiti tersebut

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) setakat ini Kementerian Pendidikan belum menerima sebarang permohonan penubuhan universiti swasta dari mana-mana pihak.
- (b) penubuhan institusi pendidikan tinggi swasta bertaraf universiti hendaklah mendapat kelulusan Yang Berhormat Menteri Pendidikan terlebih dahulu. Permohonan bagi mendapatkan kelulusan bagi IPTS ini boleh dibuat kepada Yang Berhormat Menteri atas pelawaannya.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Tuan Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang.

*(Soalan No. 14 — Y.B. Tuan Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang tidak hadir)*

#### TEBATAN DI SUNGAI KERAYONG— PERKEMBANGAN KERJA-KERJA

**15. Tun Liew Ah Kim (Seputeh)** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada projek tebatan mencegah banjir di Sungai Kerayong dari Batu 2 1/2 hingga Jalan Kelang Lama masih diteruskan atau sudah diberhentikan, memandangkan tidak ada kerja-kerja dibuat sepanjang sungai itu sekarang ini.

**Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat kerja-kerja pembaikan Sungai Kerayong Fasa IV dari Jambatan Kereta Api di Jalan Salak Selatan hingga Taman Desa, Jalan

Klang Lama sepanjang 3,080 kilometer masih lagi diteruskan untuk mencegah banjir. Pihak kontraktor masih meneruskan kerja-kerja yang terlibat dengan sungai seperti pembinaan "perimeter drain", struktur kawalan dasar sungai, "culvert" dan "outfall structure", dengan izin, manakala kerja-kerja yang melibatkan bahagian sungai telah ditangguhkan buat sementara bagi membolehkan Jabatan Pengairan dan Saliran menjalankan kajian dan siasatan ke atas kejadian runtuh tebing yang berulang dan mencari cara penyelesaian atau langkah-langkah pembaikan yang terbaik.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, sehingga ini kemajuan kontrak tersebut adalah sekitar 45%, sepatutnya 90%, dan dijangka siap Julai 1996.

#### KERETA/VAN NASIONAL— PAKSAAN MEMBELI AKSESORI

**16. Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)** minta menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan mengenai aduan-aduan pembeli dan bakal pembeli kereta dan van nasional:

- (a) adakah kementerian pernah menyiasat aduan-aduan pembeli kereta/van nasional yang mendakwa bahawa pengedar memaksa mereka "trade-in" kereta lama serta memaksa mereka membeli kereta baru bersama aksesori opsyenal dan apakah tindak balas kementerian; dan
- (b) adakah kementerian pernah menyiasat aduan-aduan pembeli atau bakal pembeli kereta Proton yang mendakwa bahawa hampir kesemua aksesori yang ditawarkan oleh EON mempunyai harga dua atau tiga kali ganda dari harga pasaran dan apakah tindak balas kementerian.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' S. Subramaniam):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) kementerian ada menyiasat mengenai dakwaan bahawa pengedar kereta nasional memaksa pembeli membuat "trade-in" untuk pembelian kereta Proton baru. Dari siasatan yang dijalankan sekarang didapati pihak EON tidak mengenakan syarat trade-in kereta lama bagi pembelian kereta baru. Apa yang berlaku ialah pihak pengedar ada memberi keutamaan kepada pembeli yang membuat trade-in. Berhubung dengan aduan bahawa pembeli diwajibkan membeli aksesori opsyenal pula sisatan menunjukkan pihak EON tidak memaksa pembeli kereta Proton membelinya dengan aksesori opsyenal. Walau bagaimanapun, kebanyakan kereta baru sedia dipasang dengan aksesori opsyenal. Oleh itu, para pembeli yang tidak memerlukan aksesori opsyenal dikenakan syarat iaitu membuat permohonan pengecualian aksesori opsyenal secara bertulis semasa membuat tempahan.
- (b) dakwaan ini adalah tidak benar; harga aksesori standard telah dimasukkan kira dalam menentukan harga sesebuah kereta. Harga juga mengambil kira kos pemasangan, jaminan dan perkhidmatan selepas jualan. Aksesori standard yang dipasang ke atas kereta-kereta ditempah khas untuk menepati spesifikasi dan reka bentuk yang ditetapkan oleh pengeluar-pengeluar kereta. Model yang ditempah khas ini, tidak terdapat dalam pasaran. Dalam keadaan demikian, harga aksesori yang sedia ada dipasang pada kereta tidaklah boleh dibandingkan dengan harga aksesori-aksesori

yang dijual di pasaran. Dalam pemasangan aksesori standard syarikat-syarikat pengeluar telah dilantik sebagai pemegang francais oleh syarikat-syarikat pemasang kereta.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mohmood:** Yang Berhormat, Yang di-Pertua, adakah benar permintaan atau pasaran kereta Proton Saga di luar negeri khususnya di UK jika dibandingkan dengan tahun-tahun yang lepas agak berkurang dan menurun disebabkan oleh beberapa faktor dan soalan kedua bilakah harga Proton Saga ini akan.....

**Timbalan Yang di-Pertuan ( Tuan Ong Tee Keat):** Satu saja, Yang Berhormat.

**Dato' S. Subramanian:** Tuan Yang di-Pertua, ini berlainan dengan soalan asal, oleh kerana itu adalah soal penjualan dan harganya di luar negeri.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, saya pernah berbincang dengan dealer ataupun penjual kereta Proton yang mengatakan margin of profit, dengan izin, yang diberi kepada dealer itu sangat kecil, mungkin tidak boleh "cover" kos. Jadi, hanya satu cara untuk menjual kereta Proton Saga dengan mendapat untung yang memadai iaitu dengan menjual aksesori yang mana margin of profitnya jauh lebih besar daripada menjual kereta itu sendiri. Jadi, kalaulah ini benar, apakah tindakan kementerian agar margin of profit diberi kepada dealer itu berpatutan dan supaya pembeli tidak dipaksa membeli aksesori yang mungkin tidak ada keperluan kepada mereka? Terima kasih.

**Dato' S. Subramanian:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini juga adalah di luar bidang kuasa kementerian saya, oleh kerana perkara ini di bawah bidang kuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa. Walau bagaimanapun, saya menerangkan

bahawa apa penjelasan yang diperolehi oleh EON adalah bahawa pihak pengedar masih dapat keuntungan dengan margin yang dibenarkan oleh syarikat buat masa sekarang pun. Walau bagaimanapun, perkara ini ada kemungkinannya dikaji oleh pihak EON pada masa-masa akan datang.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Tuan Asmat Nungka.

*(Soalan No. 17—Y.B. Tuan Asmat Nungka tidak hadir)*

#### KEMPEN ANTI MINYAK SAWIT—KESAN

**18. Datuk Abu Seman bin Haji Yusop (Alor Gajah)** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan berapakah nilai eksport minyak sawit Malaysia bagi tahun 1995 dan sejauh manakah kempen anti minyak sawit yang dijalankan oleh pihak tertentu di luar negara mencapai matlamatnya.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Cik Siti Zainab binti Abu Bakar):** Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1995, Malaysia telah mengeksport sejumlah 6.5 juta tan minyak sawit bernilai RM9 bilion. Kesan kempen anti minyak kelapa telah dirasai oleh Malaysia pada peringkat awal kempen tersebut dijalankan. Walau bagaimanapun, kesan tersebut dapat di atasi setelah berbagai usaha dijalankan bagi memerangi kempen tersebut. Kerajaan dan industri kelapa sawit telah membelanjakan berjuta-juta ringgit, termasuk menghantar rombongan ke luar negeri bagi mengatasi masalah-masalah yang timbul dari masa ke masa berkaitan dengan publisiti negatif ke atas minyak sawit.

Di samping itu, usaha-usaha penyelidikan mengenai khasiat pemakanan daripada minyak sawit dan mempelbagaikan penggunaannya

dipergiatkan dan hasil-hasil penemuan penyelidikan tersebut disebarkan secara meluas. Misi-misi galakan bagi mempromosi minyak sawit ke luar negeri juga dihantar bertujuan untuk mengukuhkan penerimaannya di pasaran tradisi serta untuk membuka pasaran baru.

Hasil dari usaha-usaha gigih yang dijalankan, kepercayaan dunia terhadap minyak sawit telah dapat dipulihkan. Sehingga setakat ini minyak sawit negara diimport oleh lebih kurang 100 buah negara. Malaysia juga telah memperolehi 62% daripada pasaran minyak sawit dunia.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ke arah usaha untuk memperluaskan lagi pasaran minyak sawit negara, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyebutkan negara kita telah membelanjakan berjuta-juta ringgit. Jadi, saya hendak tahu berapakah jumlah sebenarnya setahun yang dibelanjakan oleh kerajaan kita dan adakah terdapat kes-kes di mana misi-misi perdagangan kita sendiri daripada kementerian telah cuba memboikot program kerajaan, supaya minyak sawit itu dapat dijual di negara-negara bakal pembeli.

**Cik Siti Zainab binti Abu Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, sukar bagi saya hendak memberi angka-angka kerana sepertimana yang saya katakan tadi, kerajaan dan industri kelapa sawit yang terlibat untuk membanteras kempen anti minyak kelapa sawit ini, tetapi kalau Ahli Yang Berhormat inginkan angka-angka itu secara terperinci, saya akan berikan secara bertulis.

Berkenaan dengan soalan misi-misi yang dihantar ke luar negeri itu disabotaj, setakat ini kami tidak ada maklumat. Setakat ini misi-misi itu telah berjaya mempertahankan pasaran-pasaran tradisi dan juga membuka pasaran baru di luar negeri.

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah langkah-langkah yang akan diberikan oleh kerajaan bagi menghadapi persaingan dari Indonesia terhadap kekurangan minyak kelapa sawit kerana ladang kelapa sawit mereka lebih luas dan gaji buruhnya lebih murah.

**Cik Siti Zainab binti Abu Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai persaingan daripada Indonesia, kita tidak begitu bimbang dengan keadaan persaingan Indonesia kerana kebanyakan pengeluaran dari Indonesia adalah digunakan untuk kegunaan domestik. Di samping itu juga kerana penggunaan tempatan yang tinggi di Indonesia, Kerajaan Indonesia telah memberikan keutamaan kepada penggunaan kelapa sawit dalam negeri. Oleh yang demikian, jumlah yang ada untuk dieksport adalah tidak begitu besar. Tambahan pula tumpuan pasaran minyak sawit Malaysia dan Indonesia adalah berbeza kerana Indonesia lebih menumpukan kepada eksport minyak sawit mentah sedangkan Malaysia mengeksport minyak sawit yang diproses. Walau bagaimanapun, kerajaan akan terus menggalakkan pertumbuhan perusahaan minyak sawit di negara ini.

#### **PERTANIAN DI SRI AMAN— PELAKSANAAN**

**19. Tuan Jimmy Donald (Sri Aman)** minta Menteri Pertanian menyatakan rancangan-rancangan yang akan dijalankan oleh kementerian beliau di bahagian Sri Aman.

**Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, terdapat beberapa program yang telah dirancang bagi Bahagian Sri Aman di bawah Kementerian Pertanian Malaysia melalui Jabatan Pertanian Sarawak. Ini termasuk Rancangan Pembangunan Pertanian, Rancangan Industri Desa, Program Pembangunan Bersepadu Luar

Bandar (Integrated Rural Area Development) dan Pembangunan Sumber Manusia. Di antara aktiviti utama yang dijalankan di bawah Program Pembangunan Pertanian dan Rancangan Industri Desa adalah estet mini getah, tanaman lada, pemeliharaan ikan air tawar, pusat pengumpulan getah dan pusat pengumpulan lada.

Di bawah Program Pembangunan Bersepadu Luar Bandar (IRAD) di antara projek-projek dijalankan adalah kompleks industri pertanian, industri kayu getah, projek pemekatan getah dan industri lada.

Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh tumpuan program bagi projek Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADP) Kalaka-Saribas Fasa I adalah untuk menyelenggara jalan raya, sistem perparitan dan pembangunan tanaman nenas dan limau di daerah Kalaka-Saribas.

Selain itu, konsep IADP juga akan dilaksanakan di IADP Kalaka-Saribas Fasa II di sekitar Lembah Sungai Saribas yang akan dikenali sebagai Projek Pembangunan Pertanian Saribas Hilir. Komponen pembangunan akan tertumpu kepada pembinaan sistem jalan raya dan perparitan untuk pembangunan tanaman kelapa sawit terutamanya di sekitar Sungai Rimbas, di mana matlamat penanaman kelapa sawit adalah 10,000 hektar.

**Tuan Jimmy Donald:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu sama ada subsidi akan dikekalkan untuk tanaman semula bagi getah untuk pekebun kecil di Sri Aman.

**Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, ini di bawah bidang tugas Kementerian Pembangunan Luar Bandar iaitu di bawah Risda, bukan di bawah Kementerian Pertanian.

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan petani-petani di luar bandar



negeri Sarawak mempunyai banyak kesulitan untuk mencari tempat bagi memasarkan produksi pertanian mereka di bandar. Apakah bantuan yang akan diberikan oleh kerajaan kepada mereka tentang perkara itu?

**Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Bahawa untuk menyenangkan kepada peladang-peladang atau petani-petani menjual hasil tanaman mereka, kementerian telah memberi perhatian dalam Rancangan Malaysia Ketujuh supaya pasar tani-pasar tani diperbanyakkan dan kalau yang ada hendaklah dikekalkan dan ditambah bilangan hari mereka membuka pasar tani. Kalau sekarang dua hari, jadikan empat hari atau lima hari dan di samping itu gerakan Pertubuhan Peladang akan dipergiatkan supaya mereka juga boleh membuka pasar tani-pasar tani ataupun pasar mini-pasar mini di bandar-bandar.

#### **BERAS—KENAIKAN HARGA DAN KEKURANGAN STOK**

**20. Che Ibrahim bin Mustafa (Sungai Petani)** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) nyatakan sebab-sebab berlakunya kenaikan harga beras dan kekurangan stok beras; dan
- (b) nyatakan usaha-usaha yang dilakukan, terutama BERNAS untuk menangani isu kekurangan beras dan kenaikan harga beras.

**Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Aduan tentang kenaikan harga beras ialah bagi beras keluaran tempatan gred super. Aduan mengenai kekurangan stok beras adalah bagi gred beras yang harganya dikawal oleh kerajaan iaitu beras gred premium dan standard.

Sebab-sebab kenaikan harga beras gred super:

- (i) Di bawah Perintah Beras (Kawalan Gred dan Harga) 1992, beras dikelaskan kepada tiga gred iaitu super, premium dan standard. Bagi beras super, grednya dikawal tetapi harganya diapung. Bagi kedua gred yang lain iaitu premium dan standard, harga ditetapkan dan dikawal oleh kerajaan di pintu kilang, borong dan runcit.
- (ii) Keadaan kapasiti pengilangan yang melebihi pengeluaran padi menyebabkan persaingan hebat di antara kilang untuk mendapatkan bekalan. Kos pengeluaran beras telah meningkat disebabkan harga padi yang tinggi dibayar oleh kilang-kilang melalui potongan rendah, subsidi pengangkutan serta penambahan komisen kepada pelesen padi.
- (iii) Di antartahun 1994 hingga 1996 kos padi sebagai komponen kos pengeluaran beras telah meningkat sebanyak RM16.00 bagi 100 kg. beras iaitu kenaikan 23%.

Sebab-sebab kekurangan beras premium dan standard:

- (i) Perintah Beras (Kawalan Harga dan Gred) 1993 tidak mensyaratkan kilang mengeluarkan beras gred kawalan. Penghujung tahun 1995 kerajaan telah membuat ketetapan pihak pengilang-pengilang mengeluarkan 30% daripada kadar premium dan standard. Walau bagaimanapun, pengeluaran beras

ini adalah kurang daripada apa yang dikehendaki oleh kerana keadaan harga beras berkenaan adalah tidak begitu menguntungkan kepada peniaga kerana harga terkawal.

- (ii) Beras gred premium dan standard yang dihasilkan oleh Bernas tidak semua sampai ke pasaran kerana ada sesetengah pemborong membeli dan memproses semula beras ini dan kemudiannya menjual sebagai gred super untuk mendapat keuntungan lebih.
- (b) Tindakan Bernas untuk menangani isu kekurangan beras gred harga kawalan dan menstabilkan harga beras super:
- (i) Bernas menambah pengeluaran beras gred harga kawalan. Beras kawalan ini boleh didapati di kedai-kedai beras Bernas (B-Mart).
- (ii) Bernas juga telah mengambil inisiatif dengan mengadakan kerjasama dengan pengilang dan pemborong mengenai bekalan dan edaran beras kawalan.

Pihak pengilang bersetuju mengadakan bekalan beras harga kawalan di kawasan-kawasan yang dikenal pasti oleh mereka serta memastikan bekalan tersebut sampai kepada pengguna melalui saluran pemasaran mereka. Bernas meletakkan kilang-kilang padi bumiputera yang menikmati Skim Pusat Belian Padi Bernas supaya mengeluarkan beras harga kawalan.

- (iii) bagi menstabilkan harga beras gred super, Bernas mengubah strategi importnya dengan juga mengimport beras yang mutunya setanding dengan mutu beras tempatan.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya berkaitan dengan stok beras ini. Berapakah jumlah stok yang disimpan pada setiap masa untuk tujuan keselamatan (security). Adakah masalah yang dihadapi dari segi kekurangan beras ini mengakibatkan jumlah stok yang disimpan?

**Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Keperluan beras negara kita sekitar 1.7 - 1.8 juta tan. Stok kita hanya untuk satu bulan.

**Tuan Jacob Dungau Sagan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan negara kita ini kekurangan beras dan juga memandangkan negara kita mempunyai banyak tanah yang sesuai untuk ditanam padi, khususnya di kawasan pedalaman di negeri Sarawak dan juga Sabah, apakah rancangan kerajaan untuk membangunkan dan menggunakan tanah tersebut untuk menambahkan lagi pengeluaran padi di negara kita ini?

**Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Sebagaimana yang telah kementerian saya gariskan, iaitu dasar kita mengeluarkan padi hanya keperluan sekurang-kurangnya 65% sahaja. Walau bagaimanapun, kita mendapati bahawa mengusahakan tanaman padi secara kecil-kecilan adalah tidak ekonomi. Apa yang kita harapkan

ialah pihak swasta akan menceburkan diri dalam bidang pengeluaran padi secara besar-besaran—pengurusan secara estate. Jadi, ini adalah digalakkan, kerajaan-kerajaan negeri mendapatkan pihak swasta supaya dapat dibuka jelapang-jelapang padi ini sekitar 1,000 sampai 10,000 ekar dengan menggunakan jentera-jentera ladang. Ini digalakkan bagi memenuhi permintaan dalam negara.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Tuan Karpal Singh.

*(Soalan No. 21—Y.B. Tuan Karpal Singh tidak hadir)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas.

*(Soalan No. 22—Y.B. Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas tidak hadir)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Puan Chua Soon Bui.

*(Soalan No. 23—Y.B. Puan Chua Soon Bui tidak hadir)*

#### GURU KAUNSELING TERLATIH—LANGKAH MENGATASI KEKURANGAN

**24. Tuan Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) bilangan guru kaunseling terlatih dan nyatakan sama ada guru-guru yang ada juga mengajar mata pelajaran lain; dan
- (b) sama ada guru-guru terlatih ini juga terdapat di kawasan luar

bandar dan apakah langkah yang diambil untuk mengatasi kekurangan guru-guru kaunseling terutama di kawasan luar bandar

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30hb Julai 1996 terdapat seramai 646 guru kaunseling terlatih di seluruh negara. Guru-guru kaunseling terlatih ini tidak mengajar mata pelajaran lain dan mereka dikehendaki memberikan khidmat bimbingan dan kaunseling sepenuh masa di sekolah-sekolah.

Semua guru kaunseling dilantik berdasarkan sekolah tempat mereka bertugas sama ada di bandar atau luar bandar. Adalah menjadi dasar Kementerian Pendidikan untuk menempatkan sekurang-kurangnya seorang guru kaunseling untuk setiap sekolah menengah. Dalam usaha menambahkan bilangan guru kaunseling terlatih, Bahagian Pendidikan Guru sedang menambah program latihan jangka pendek bagi guru-guru siswazah dan latihan jangka panjang bagi guru-guru bukan siswazah.

Di samping itu universiti-universiti tempatan juga menyediakan program untuk guru-guru kaunseling secara sepenuh masa dan melalui pendidikan jarak jauh.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah pun tamat.

*(Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 2, 8, 21, 22, 23, 25 hingga 77 akan dijilid dalam buku berasingan)*

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1996) 1996

DAN

USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.) (BIL.2) 1996

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1996) 1996 dan Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil.2) 1996 dalam sebuah-buah Majlis". (*Hari Kedua*)

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa*

*(Timbalan Yang di-Pertua  
mempengerusikan Jawatankuasa)*

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana terdapat dua hari sahaja untuk perbincangan di peringkat Jawatankuasa ini, jadi, saya terpaksa menghadkan tempoh untuk setiap orang Ahli Yang Berhormat berucap selama 10 minit sahaja. Perbincangan di bawah Jabatan Perdana Menteri diteruskan. Jabatan Perdana Menteri diminta menjawab.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya pertamanya ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana mengambil bahagian di dalam perbincangan jawatankuasa berkenaan dengan Jabatan Perdana Menteri ini. Saya akan mengambil masa panjang sedikit kerana banyak perkara yang telah dibangkitkan berkaitan dengan soal

kepercayaan kepada mahkamah dan kehakiman.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Tanjong dalam perbincangan, sebenarnya di luar Jawatankuasa, tetapi seperti yang telah disebutkan oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan yang memerlukan jawapan di peringkat Jawatankuasa, maka saya menjawab berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tanjong. Ia membangkitkan mengapa kononnya krisis keyakinan kehakiman di Malaysia tidak dibincang dalam 'conference' Menteri Undang-undang Komanwel yang diadakan di Malaysia baru-baru ini.

Pertubuhan Commonwealth adalah pertubuhan yang direstui oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang mensyaratkan sikap berkecuali dan tidak campur tangan dalam hal dalaman negara anggota melainkan dalam kes-kes tertentu yang jelas berlaku yang melanggar undang-undang seperti yang berlaku di Nigeria yang mana penggantungan seorang pembangkang bukan saja menyebabkan kurang keyakinan kepada kehakiman negara itu, malah kepada kepimpinan negara itu sendiri.

Jadi, lagi pun menteri yang hadir dalam conference tidak menganggap wujudnya krisis keyakinan kehakiman Malaysia 'to merit discussion in the conference', malah jauh daripada yang dibangkit oleh Yang Berhormat Tanjong, Malaysia dipilih untuk menduduki, dengan izin, a regionally representative working party on the judiciary in the contact of main group action programme, jadi, maknanya bahawa tidak betullah kalau Yang Berhormat mengatakan berlakunya krisis keyakinan di negara Malaysia ini sehinggalah ia hendak dibincang di dalam conference, tetapi mereka yang menghadiri conference tidak menganggapkan bahawa apa yang berlaku itu begitu serius untuk dibincangkan dalam conference.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, sungguh pun mereka adalah dijemput untuk menganggotai satu working group mengenai judiciary tetapi bukannya lazimnya, untuk negara yang menjadi tuan rumah (host conference) itu dilantik sebagai pengerusi working group itu, tetapi dalam kes ini Peguam Malaysia yang menjadi pengerusi working group ini, tetapi seorang anggota sahaja, tentu ini membayangkan bahawa, sungguhpun ini tidak dibincangkan tetapi ada syak wasangka negara-negara Komanwel yang lain mengenai kredibiliti, kebebasan, kewibawaan integriti judiciary.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Lazimnya ialah 'the host nation', dengan izin, dia dipilih untuk menjadi Pengerusi seluruh Majlis itu sepanjang sehingga tempoh mesyuarat yang akan datang akan diadakan. Saya rasa 'it is an insult to the country', kalau kita jadi host, kita cuma dilantik jadi Pengerusi 'working group' sahaja. Jadi, tak betullah seperti Yang Berhormat sebut, selalunya lazim kita host nation menjadi majlis kepada keseluruhannya conference itu sehinggalah mesyuarat yang akan datang.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong dan Jelutong sekali lagi membangkit soal Peguam Negara hendaklah dijadi sebahagian dari 'front bench' ataupun kerajaan bagi mempertahankan segala keputusan yang telah diambil oleh beliau di dalam Parlimen ini. Selain dari jawapan yang dibuat oleh Setiausaha Parlimen bahawa kita ada menteri untuk menjawab dalam Parlimen, satu faktor yang lebih 'fundamental' ialah prinsip keadilan di dalam mahkamah, iaitu 'justice must not only be done, but must also be seen to be done'.

Yang Berhormat dari Tanjong sudah sedia maklum, iaitu Peguam Negara adalah kerjanya untuk mendakwa seseorang

dalam mahkamah atas tuduhan yang dihalakan kepada yang kena tuduh. Kalau dalam kes Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka yang didakwa, sudah tentu kalau Peguam Negara itu juga 'front bench' dan merupakan sebahagian daripada kerajaan, dan dia mendakwa Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka yang merupakan pembangkang dalam Parlimen, maka sudah tentulah 'justice is not seen to be done.' Sebab kita tengok bahawa pendakwa merupakan ahli dalam Dewan sebagai kerajaan, dan ahli Kota Melaka menjadi orang didakwa, maka apa yang berlaku, mungkin dalam mahkamah berlaku bukan soal di antara prosecutor dengan defender, tetapi kerajaan dengan pembangkang.

Jadi, saya ingat untuk mengelak mungkin ada pencabulan prinsip itu bahawa 'justice must not only be done, but must be seen to be done', dan untuk menjaga 'neutrality' dan memelihara prinsip ini, maka kerajaan tidak bercadang untuk menjadikan Peguam Negara sebagai sebahagian daripada 'front bench' ataupun kerajaan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan. Sungguhpun dengan alasan itu, bukannya Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju bahawa sungguhpun dalam keadaan sekarang di mana Peguam Negara bukan dalam 'front bench', bukan seorang anggota Jemaah Menteri, tetapi keputusan-keputusannya atau budi bicara pendakwaan, khasnya sama ada mengenai Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka atau kes yang lain, Irene Fernandez, Lee Guat Leong dan lain-lain menunjukkan bahawa keadilan 'justice was not done' oleh kerana adalah berat sebelah dalam keputusan itu. Dalam perkara ini, dia tidak ada di sini, tidak boleh disoalkan, dia tidak memberi 'accountability' dan jawab kepada Parlimen. Itulah satu lacuna dan satu kelemahan dalam accountability.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yang Berhormat, sebenarnya bukan kelemahan. Sebab sepertimana saya sebut tadi, kalau Peguam Negara menjadi sebahagian daripada kerajaan, maka apabila dia mengambil satu kes terhadap seorang ahli yang merupakan pembangkang, dia akan terbuka kepada satu 'temptation' untuk menggunakan kuasa yang ada kepada dia untuk mendakwa bersungguh-sungguh bukan sebagai seorang profesional, tetapi kerana ada sesuatu yang dia mahu tentukan dan dia akan gunakanlah luar daripada apa yang patut dilakukan oleh seorang profesional untuk memastikan iaitu ahli pembangkang itu akan didapati bersalah.

Jadi, kalau dia seorang 'civil servant', maka tidak berbangkit soal dia 'justice is not seen to be done'.

**Tuan Lim Kit Siang:** (*Bangun*)

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Mahu bertanya lagi?

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya. Dalam perkara ini, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa sebelum ini Peguam Negara ialah seorang anggota Jemaah Kabinet. Adakah dalam penjelasan dan keterangan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, beliau ada implikasi bahawa pendakwaan masa lampau, masa dahulu, di mana Peguam Negara ialah seorang anggota Kabinet, semua pendakwaan terhadap ahli pemimpin-pemimpin pembangkang ialah 'politicise', ada 'political interest', dan bukan profesional. Saya sendiri adalah mangsa pendakwaan Peguam Negara yang menjadi anggota Kabinet. Adakah saya pun pada masa itu mangsa oleh kerana tidak ada profesionalisme oleh pihak Peguam Negara. Bukankah ini satu hujah yang sangat bahaya?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ia tidak merbahaya, sebab kita mentadbir negara 'through trial and

error'. Bermakna kalau di masa yang lepas, perkara ini tidak dirasakan boleh menjejaskan, mungkin pada ketika itu ada rasanya elok Peguam Negara duduk sebagai sebahagian daripada Kabinet. Tetapi pada hari ini, kita tengok Ahli Parlimen daripada peguam belaka—Tanjong, Jelutong, bukan macam pembangkang dahulu. Jadi, mereka juga yang bangkit beberapa kali dalam Majlis dan juga Jawatankuasa, iaitu 'justice must not only be done, but must be seen to be done'.

Jadi, kita dengar 'feed back' dan kita merasakan bahawa mempertahankan prinsip keadilan itu, maka kita fikirkan adalah baik sekarang ini kita tidak mahu supaya Peguam Negara menjadi sebahagian daripada kita. Tetapi itu bukan berkata yang lepas-lepas tidak betul. Banyaklah perkara yang berlaku di dalam negara kita bukan sahaja di Malaysia, di negara-negara yang lain juga yang pada peringkat awal mereka tidak mempertahankan prinsip 'justice is not seen to be done', tetapi itu tidak boleh menyebabkan segala keputusan yang lepas itu tidak betul. Jadi, sebab itu Yang Berhormat dari Tanjong, saya ingin menyatakan bahawa kita di sini apabila ditanya sekarang ini, saya bertanggungjawab untuk menyatakan mengapa kita tidak mahu pada ketika ini Peguam Negara duduk sebagai sebahagian 'front bench' ataupun kerajaan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Terima kasih. Yang Berhormat Timbalan Menteri adalah law graduate daripada England. Dia tahu keadaan di England, ada Peguam Negara yang political ahli kabinet. Adakah di England, timbul keadaan di mana oleh kerana Peguam Negara anggota kabinet bahawa 'justice not seen to be done'? Ini boleh berlaku di negara-negara yang lain, di mana sungguhpun Peguam Negara ialah anggota Kabinet, tetapi boleh bertanggungjawab, accountable kepada Parlimen, tidak timbul masalah 'justice

is not seen to be done', tetapi di Malaysia boleh berlaku perkara-perkara ini. Adakah oleh kerana dalam Malaysia pemimpin-pemimpin politik kurang kaliber atau integriti atau character dan tidak boleh banding dengan negara-negara yang lain, di mana ada profesionalisme, khasnya daripada negara di mana Yang Berhormat Timbalan Menteri lulus undang-undang?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Pengerusi, di England jarang ahli pembangkang buat perkara yang tidak betul yang kita hendak dakwa mereka. Sebab itu, tak berlaku perkara ini, jadi tak berbangkitlah masalah ini. Tetapi di Malaysia kita ada, tengoklah pembangkang. Saya malas hendak bercakaplah, tetapi banyak mereka didakwa. Bukan satu-dua orang, tetapi ramai didakwa. Jadi, kalau semua kena dakwa, kemudian Peguam Negara kita sebagai kerajaan, nampaklah 'justice is not seen to be done'. Apa fasal bercakap berdolak-dalik. Dahulu mempertahankan prinsip ini. Bila kita hendak kata mempertahankan macam ini, dia tak bersetuju pula. Jadi, Yang Berhormat, bolehlah saya teruskan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Akhir, akhir.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Akhir, janji ya?

**Tuan Lim Kit Siang:** Mengenai perkara ini, akhir sahaja. Adakah dalam England, pemimpin-pemimpin politik seperti Rahim Thamby Chik? Banyakkah? Oleh kerana dalam Malaysia banyaklah, sebab itu perlu Peguam Negara semacam ini, bukan?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Bukan soal itu. Kerana kalau kita tengok sejarah di England pun, ada kalau tak silap saya peguam negara ataupun Solicitor General dia main dengan perempuan pelacur, kena tangkap. Perangai teruk juga, serupa sahaja, tak ada perbezaan.

So, janganlah jadikan England itu sebagai model seolah-olah Peguam Negaranya, Ahli Parlimennya tidak berlaku perkara yang disebut itu.

**Tuan Lim Kit Siang:** (*Bangun*)

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Nanti. Nanti Yang Berhormat. Nanti saya jawab.

**Tuan Lim Kit Siang:** (*Menyampuk*)

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yang Berhormat tidak baca surat khabar. Kalau Yang Berhormat baca surat khabar, ramai Ahli-ahli Parlimen di England itu membuat perangai yang tidak senonoh. Ada yang suka kepada lelaki. Ya betul! Ada yang kena letak jawatan. Ada yang suka kepada isteri orang dan macam-macam lagi. Jadi, janganlah hendak bangkitkan seolah-olah di England itu tidak ada perkara seperti ini.

Jadi, sebab itu saya ingat apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tidak betul.

**Tuan Lim Kit Siang:** (*Bangun*)

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ini tidak cakap betul. Penghabisan, penghabisanlah. Inilah pembangkang.

**Tuan Lim Kit Siang:** Okay....

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Duduklah! Duduk! Saya hendak jawab. Saya tidak beri jalan.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Dia tidak beri jalan Yang Berhormat. Teruskan Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Dia dengan Yang Berhormat Jelutong.

**Tuan R. Karpal Singh:** (*Bangun*)

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yang Berhormat Jelutong pun serupa. Nanti dulu!

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Dia bangun ya.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya hendak jawab dulu. Ini Jelutong satu hal. Semalam dia kata saya tidak ada dalam Dewan. You better check your facts before you open your mouth, dengan izin. Saya di belakang sana.

**Tuan R. Karpal Singh:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Jelutong, dia belum beri jalan lagi.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya tidak beri jalan. Tidak fahamkah? Saya tidak beri jalan lagi.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, teruskan Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Belasan tahun duduk dalam Parlimen, tidak faham peraturan lagi? Jangan jadi macam unta di Mekah, Yang Berhormat. Unta lama sahaja di Mekah tetapi tidak dapat ganjaran apa. Patut Yang Berhormat menjadi model atau contoh kepada sayalah. Saya satu tahun lebih sahaja dalam Parlimen ini. Saya sudah tahu apa hak saya. Tidak perlulah hendak suruh saya bangkit selalu untuk jawabkah atau apa. Saya tahu saya memang kena jawab pada hari ini, sebab itu saya tidak perlu hendak bangun. Jadi, saya harap Yang Berhormat sebagai orang yang lama, sebagai seorang peguam dilatih berprinsip, tunjukkan contoh yang baik kepada kami yang baru. Saya baru. (*Tepuk*) Ini harapan saya.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan perkara kedua. Ahli Yang Berhormat dari

Tanjong bertanya mengapa kita tidak mendakwa hakim yang telah mengakui menulis surat layang itu. Selain dari alasan yang telah dibangkit oleh Peguam Negara dalam press conferencenya, kita tidak mahu teruskan pendakwaan atas alasan pertimbangan dasar seperti yang disebut oleh Yang Berhormat dari Tanjong sendiri. Pendakwaan akan memakan masa yang lama dan juga akan memberikan satu publisiti yang meluas dan ianya sudah tentu akan worsen, dengan izin, keyakinan rakyat kepada kehakiman kita.

Jadi, oleh kerana pendakwaan akan memakan masa yang lama dan juga publisiti meluas akan diberi dan di dalam negara kita yang mengamalkan kebebasan berfikir, maka hari demi hari kalau surat layang disebut di mulut-mulut kita dan juga berhari-hari soal ini bermain dalam kepala rakyat, akibatnya akan ditanam dalam pemikiran rakyat. Sebut sahaja surat layang, maka akan terlintas dalam pemikiran rakyat soal kehakiman ini.

Kita tahu bahawa surat layang itu sendiri mempunyai konotasi negatif dan tidak baik sehingga akhirnya walaupun badan kehakiman tidak didapati bersalah, namun rakyat yang disajikan dengan perkataan surat layang dan kehakiman saban hari akan membuat kesimpulan sendiri bahawa kehakiman sudah pun bersalah. Soal keyakinan ini adalah soal persepsi. Perception ini tidak semestinya....

**Tuan R. Karpal Singh:** (*Bangun*)

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya habis sekejap, selepas itu Yang Berhormat boleh bertanya. Saya janji ya.

Persepsi ini tidak semestinya ia berlandaskan kepada kebenaran sebab publisiti yang meluas dan kalau hari-hari dimasukkan ke dalam pemikiran rakyat tentang surat layang, kehakiman—surat layang, kehakiman—ini akan menyebabkan orang ramai akan membentuk



satu persepsi yang negatif walaupun akhirnya perkara itu tidak benar.

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya minta penjelasan, Tuan Pengerusi. Apa yang dinyatakan oleh Timbalan Menteri tadi, sebab tidak ada pendakwaan dijalankan ke atas hakim ini adalah publisiti luas dan sebagainya. Kenapa sampai hari ini Peguam Negara tidak menamakan hakim ini? Adakah itu pun publisiti yang luas jika namanya diumumkan? Dan jika apa yang dinyatakan oleh Peguam Negara dalam satu persidangan akhbar baru-baru ini bahawa tidak ada asas (basic) dalam pertuduhan yang menjadi isi kandungan 33 muka surat surat layang ini? Jika tidak ada apa-apa asas, tidak ada apa-apa basis atau foundation kenapa takut untuk pergi ke mahkamah untuk membersihkan badan kehakiman? Apa yang dibuat oleh Peguam Negara adalah untuk white-wash the judiciary. The judiciary is clean. Is the judiciary clean? Mahkamah boleh membersihkan diri sendiri dan itu boleh dibuat jika hakim Datuk Syed Ahmad Idid dan adakah beliau yang terlibat dalam isu ini? Bolehkah saya dapat penjelasan and don't play the foul?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Dia tidak sabar. Sebab apa benda yang dia tanya itu memang saya hendak jawab selepas ini. Sama sahaja hujahnya macam semalam itu. Jadi, sabarlah sedikit, saya akan sampai kepada situ. Saya cuma setakat ini untuk menjawab perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong iaitu dia bertanya mengapa kita tidak ambil tindakan terhadap hakim itu dan kita bersetuju dengan apa yang dia cakap semalam iaitu bahawa dia boleh terima kalau sekiranya pertimbangan yang dibuat itu ialah pertimbangan dasar, iaitu kalau ada berlaku pendakwaan, maka ia boleh lebih memudaratkan lagi keyakinan rakyat terhadap kehakiman. Jadi, ini pertimbangan dasar yang kita ambil kira.

**Tuan Lim Kit Siang:** (*Bangun*)

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Nanti sekejap Yang Berhormat. Ini pertimbangan dasar yang kita ambil kira. Bukan mitigating factors yang menjadi keutamaan dalam pertimbangan kita mengapa kita tidak ambil tindakan ini. Mitigating factors yang lain itu merupakan alasan sambilan sahaja tetapi yang penting ialah pertimbangan dasar supaya kita tidak mahu memudaratkan lagi keyakinan rakyat terhadap kehakiman kalau perkara ini terus didakwa dalam mahkamah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Kita ada dengar kali yang pertama bagi pihak kerajaan melalui Yang Berhormat Timbalan Menteri alasan bahawa hakim tersebut (Syed Ahmad Idid) yang telah letak jawatan sudah merupakan hukuman yang cukup berat, itu bukan sebab utama. Itulah mitigating circumstances yang sebenarnya tidak patut menjadi faktor penting dalam perkara mengambil keputusan sama ada untuk dakwa atau tidak.

Benar saya ada kata semalam bahawa tentulah dalam mengambil keputusan sama ada mahu dakwa atau tidak mahu dakwa adalah juga perkara pertimbangan dasar dan kalau sebab bahawa pendakwaan akan menjatuhkan dengan teruknya keyakinan terhadap kebebasan dan integriti kehakiman, saya boleh terima. Tetapi, adakah ini keadaan? Yang Berhormat Timbalan Menteri kata itulah keadaan oleh kerana kalau ada perbicaraan publisiti yang luas yang akan memberi gambaran bahawa badan kehakiman kita tidak bersih. Ini kita tidak boleh menerima. Kita tidak boleh bersetuju oleh kerana bukannya benar selain daripada 112 tuduhan mengenai rasuah, salah laku, salah guna kuasa—benar?

Bukankah satu cara untuk memulihkan keyakinan orang ramai terhadap badan kehakiman ialah untuk satu perbicaraan dan melalui perbicaraan, dengan publisiti yang luas menunjukkan bahawa segala tuduhan, 112 tuduhan rasuah, salah guna

kuasa dan salah laku 12 orang hakim, semua tidak benar belaka. Itu bukan cara untuk memulihkan keyakinan. Dan bukankah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar atau setuju bahawa dengan cara tidak mahu mengadakan perbicaraan, sungguhpun 112 tuduhan itu disifatkan sebagai tidak berasas memberi satu gambaran seolah-olah kerajaan takut satu perbicaraan oleh kerana tidak boleh membuktikan segala 112 tuduhan itu tidak benar? Dan ini akibat lebih menjatuhkan keyakinan orang ramai terhadap badan kehakiman.

Akhirnya, bukankah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa ini satu precedent yang berbahaya? Oleh kerana kalau kita boleh menerima pertimbangan dasar semacam itu, itu pun menjadi alasan kenapa kita tidak patut mendakwa Menteri, Timbalan Menteri, ahli-ahli politik tertinggi atas dakwaan korupsi oleh kerana takut dengan publisiti yang luas orang ramai akan dapat satu gambaran bahawa korupsi bermaharajalela di kalangan jawatan tertinggi kerajaan di Malaysia? Bukankah ini satu pertimbangan dasar yang tidak boleh diterima? Satu pertimbangan dasar yang tidak wajar, yang tidak munasabah dan yang tidak masuk akal?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Pengerusi, soal sama ada benar ataupun tidak benar perkara yang dibangkit dalam 'surat layang' itu bukan untuk mahkamah membuat keputusan. Keputusan dibuat oleh polis dan BPR yang menyiasat. Sebab itu tidak berbangkit soal bahawa dengan tidak adanya pendakwaan di mahkamah, maka perkara ini tidak dapat diputuskan. Bukan mahkamah yang menentukan, yang menentukan 'betul' ataupun 'tidak' ialah polis dan BPR, jadi kita jangan campur-aduk bidang kuasa yang telah pun ditetapkan kepada BPR, polis dan juga kepada mahkamah.

Kerajaan tetap dengan pandangan kita, bahawa kita merasakan sekiranya pendakwaan ini akan diteruskan dan Yang Berhormat bercakap kalau perbicaraan boleh menyebabkan kurang keyakinan, kerana akan dilapor, itu dalam satu masyarakat yang canggih, yang boleh memahami undang-undang seperti Yang Berhormat semua. Tetapi sebahagian besar daripada orang-orang kita tidak semuanya tahu tentang undang-undang. Jadi, inilah yang menjadi kebimbangan kita, walaupun orang itu tidak didapati bersalah, tetapi kerana publisiti yang meluas sudah pun dibentuk satu persepsi di dalam masyarakat ramai bahawa memang hakim-hakim yang tersebut itu bersalah. Perkara ini harus kita jaga kerana yang penting ini ialah judiciary.

Yang Berhormat tidak boleh hendak persamakan di antara hakim dengan ahli politik, menteri atau timbalan menteri, sebab Yang Berhormat kata ini precedent yang berbahaya—tidak boleh banding, sebab hakim ini lain. Hakim ini kita pergi kepada dia untuk mendapat keadilan, oleh itu akan menjadi satu kejutan kepada masyarakat biasa melihat seorang hakim yang kita pergi untuk mendapat keadilan, dia pula didakwa di dalam mahkamah. Ini kejutan, tetapi ahli politik, menteri, timbalan menteri hendak kena saman dalam ini—biasa. Jadi, tidak bermakna bahawa kalau kita tidak dakwa hakim, maka kita membuat satu precedent, kita tidak akan mendakwa menteri—berbeza, hakim dalam mahkamah. Kalau orang melihat hakim itu tempat orang pergi minta keadilan, pada satu hari dilihat dia duduk dalam kandang—terkejut, Tuan Pengerusi. Sebab itu kita kena jaga perkara ini semua.

**Tuan R. Karpal Singh:** Jika publisiti adalah salah satu sebab di mana hakim tidak didakwa—ada jalan lain. Kenapa Datuk Syed Ahmad Idid tidak berhadapan dengan tribunal, di mana jika dibandingkan dengan 'Saleh Abbas' dalam tahun 1988, dalam kes itu pun ada publisiti yang

meluas, kenapa dia tidak didakwa di hadapan tribunal? Ada peruntukan dalam perlembagaan itu boleh mengelakkan publisiti yang mengurangkan kepercayaan dalam kehakiman, kenapa jalan itu tidak dipilih?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Pengerusi, kita membuat tribunal ini kalau orang yang didakwa itu tidak mengaku salah. Ini dia sudah mengaku salah, buat apa kita hendak membuang duit, tax payers money, set-up tribunal, dengan izin, buat apa? Dia sudah mengaku salah dan....

**Tuan R. Karpal Singh:** (*Bangun*)

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Pengerusi, ....

**Tuan R. Karpal Singh:** Sedikit sahaja. Tadi ada dinyatakan dia mengaku salah, adakah Datuk Syed Ahmad Idid mengaku bersalah, bolehkah saya dapat tahu sekarang? Siapa dia yang mengaku bersalah?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Inilah penyakit tidak sabar. Saya hendak jawab soalan itu, sebab Yang Berhormat dari Tanjong dan Jelutong membangkitkan mengapa kita tidak mahu menamakan orang ini—tunggulah dahulu! Jadi, saya sudah habis yang ini, saya hendak meneruskan, oleh yang demikian iaitu tentang....

**Tuan Lim Kit Siang:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Tanjong bangun lagi, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Beralih kepada perkara yang lain. Tadi, jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu kenapa tidak munasabah untuk mendakwa seorang hakim oleh kerana kedudukan khasnya seorang hakim. Adakah ini satu dasar kerajaan bahawa tidak kira apa-apa

kelakuan yang dibuat oleh seorang hakim dan di sini saya bukan kata bahawa hakim kita adalah 'criminal', tetapi kalau seorang hakim ada melakukan pembunuhan, sebagai contohnya bahawa kerajaan tidak akan mengambil apa-apa tindakan. Adakah ini satu perkara yang logik?

Yang kedua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri kata bahawa perkara sama ada 120 tuduhan mengenai rasuah, salah guna kuasa dan salah laku 12 orang hakim sama ada benar atau tidak benar, tidak berkaitan dengan perbicaraan pendakwaan Datuk Syed Ahmad Idid. Perkara ini ialah perkara yang dalam bidang kuasa BPR. Bukankah ini tidak benar, oleh kerana ada bersangkut-paut? Kalau hakim tersebut (Datuk Syed Ahmad Idid) ada didakwa dalam mahkamah, dia boleh pilih opsyen untuk mempertahankan diri, sungguhpun beliau ada mengakui bahawa beliau ada menulis surat layang tersebut, tetapi dia boleh mempertahankan diri bahawa ada setengah tuduhan-tuduhan ialah benar (justification). Kalaulah hal ini berlaku bahawa ini menimbulkan keadaan sama ada Peguam Negara tidak mahu mendakwa ialah oleh kerana mengelakkan satu perbicaraan di mana sesetengah tuduhan-tuduhan itu boleh ditunjukkan benar. Kalau Datuk Syed Ahmad Idid mahu mempertahankan sendiri, oleh kerana dalam admission Datuk Syed Ahmad Idid yang disebutkan oleh Peguam Negara bahawa beliau ada mengaku menulis surat, tetapi tidak ada sebut dia akui bahawa semua 112 tuduhan tidak berasas sama sekali.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Pengerusi, dia bukan menjadi dasar apabila kita buat macam ini maka hakim semua tidak boleh didakwa. Yang Berhormat pun tahu iaitu bahawa kita kena melihat dari satu kes ke satu kes. Dalam kes ini, dia sudah kata, dia mengakui bahawa dia yang menulis dan kita pun mengambil pertimbangan bahawa dia sudah mengakui, dia salah,

dia menulis, kemudian perbuatannya itu tidak mendatangkan mudarat kepada harta, dengan izin, damages. Ini semua diambil kiralah. Oleh sebab itu semua ini diambil kira, maka memutuskan bahawa tidak mahu mendakwa beliau. Jadi, ini keputusan kitalah. Ada fakta-fakta yang kita fikirkan dan kita timbangkan. Oleh sebab itu dalam hal ini, kita telah mengambil keputusan mengambil semua perkiraan faktor yang ada di hadapan kita bahawa kita tidak mahu mendakwa dia dan bukan menjadi dasar, kalau hakim membunuh dia boleh lepas—itu sudah menjadi negara 'gila'—saya kira. saya kira kita tidak sampai ke tahap 'gila' seperti itu.

Tuan Pengerusi, kedua....

**Tuan R. Karpal Singh:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Jelutong minta jalan.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Nanti, saya tidak beri jalan. Saya hendak jawab dahulu. Duduklah!

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Dia tidak beri, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yang Berhormat pun tahu bahawa sebelum perkara itu pergi ke mahkamah, soal tuduhan rasuah terhadap 12 orang hakim itu, siasatan kena dibuat dahulu. Kalau sudah disiasat dan didapati tidak betul hendak dibawa ke mahkamah buat apa? Tidak ada. Jadi, sebab itu kita kena ikut proseslah, prosesnya iaitu bahawa hendaklah disiasat dahulu, ada kes baru boleh dibawa ke mahkamah—fair hearing. Kalau sudah disiasat tidak ada kes, hendak dibawa ke mahkamah buat apa? Yang Berhormat sebagai peguam pun faham prosedur yang kita lalui.

Kemudian mengenai hakim itu kononnya dia boleh mempertahankan dalam mahkamah, mengapa dia tidak buat? Siapa yang tidak beri dia buat—buatlah. Tetapi dia pilih tidak mahu buat, yang kita di sini hendak paksa dan membuat andaian, bercakap tentang kemungkinan bahawa dia hendak didakwa, ini membuang masa kita sahaja, dengan izin 'the fact is' dia tidak mahu buat, habis di situlah. Jadi, kita boleh pindahkan ke.....

**Tuan R. Karpal Singh:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, Jelutong bangun sekali lagi.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya hendak teruskan kepada perkara ini.....

**Tuan R. Karpal Singh:** Penjelasan!

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya tidak beri jalan.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Dia tidak beri jalan.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ahli Yang Berhormat dari Tanjong dan Jelutong ada bertanya mengapa kita tidak mahu menamakan hakim berkenaan. Ini soalan yang berbangkit itu, mengapa kita tidak mahu menamakan hakim berkenaan, walaupun semua sudah mengetahui. Kita tidak mahu menamakan beliau, kerana kita tidak bercadang untuk mendakwa beliau. Kalau kita hendak dakwa dia, kita mesti kenal pasti defendant itu dan kita kenal nama dia, kita perkenalkan dia. Tetapi kalau kita tidak mahu mendakwa dia, maka tidak perlu kita hendak menamakan siapa hakim itu kerana kita tidak bercadang untuk mendakwa dia.

Pembanggang selalu bercakap tentang kebebasan bercakap dan bergerak, maka kalau kita mengambil keputusan tidak

mahu menamakan hakim, walaupun orang semua sudah tahu, itu adalah hak kita. Keengganan kita menamakan hakim itu, tidak sekali pun menjejaskan apa-apa status quo yang ada sekarang ini. Jadi, kalau saya haraplah pembangkang ....

**Tuan Yunof Edward Marinking:**  
(Bangun)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ada yang bangun Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Sekejap ya, kawan!

Jadi, kalau kita bercakap tentang kebebasan bergerak, kebebasan bercakap, kita ambil keputusan tak mahu menamakan hakim, apa fasal yang dia marah sangat? Dia dok namakan hakim ini dalam ini empat, lima kali. Kita langsung pula tidak kata: "You, Tanjong, Jelutong tak boleh menamakan dia, jangan sebut nama itu"! Kita tidak tahan. Dia hendak menamakan hakim itu, namakanlah. Tetapi kalau kita pilih untuk tidak mahu menamakan, itu hak kita. Mengapa yang geram sangat, yang marah sangat kita tak mahu menamakan nama orang itu? Hormatlah sedikit! Cakap mesti serupa bikin. Bikin mesti serupa cakap.

**Tuan Yunof Edward Marinking:**  
(Bangun)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, Tuan bangun.

**Tuan Yunof Edward Marinking:** Tuan Pengerusi, minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Memang kita mengakui hakikat dan penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang, tidak menamai kalau seorang sahaja, tetapi persoalannya di sini ialah waktu Tan Sri Attorney-General membuat kenyataan, ia

memberitahu satu, dua, tiga sampur. Ini yang sangat merbahaya, oleh kerana kalau dia mengatakan hanya satu, bererti tak perlu lagi "bersuluh di bulan terang", tetapi dia menggelapkan lagi keadaan, bila dia mengatakan bahawa satu, dua, tiga sampur. Jadi, ini yang kita perlu mengatakan ataupun memperjelaskan kepada rakyat jelata, adakah ini menggambarkan bahawa bukan satu yang terlibat dan yang lain itu belum lagi meletak jawatan?

Yang kedua, ialah di dalam hal penyiasatan, terserempak pula ACA dengan kes lain yang tidak terlibat langsung ataupun tidak ada kait mengait dengan perkara ini. Jadi, inilah dua perkara yang perlu diperjelaskan dan perlu dinamakan.

Jadi, saya rasa tindakan ini ataupun perbuatan yang dibuat oleh Tan Sri Attorney-General mungkin demi kepentingan negara juga. Kita mengakui bahawa beliau bertanggungjawab tetapi cara dia menyampaikan maklumat itu kepada rakyat ataupun negara keseluruhannya tidak bertanggungjawab. Itu sahaja yang kita pertikaikan. Minta penjelasan kenapa begitu?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Pengerusi, yang Tuan tanyakan ini saya akan jawab dalam soal apakah hanya seorang terlibat ataupun tidak. Jadi, saya minta sabar sedikitlah, biar saya sampai ke situ.

Jadi, ini berkenaan dengan perkara tadi, maka kita mengambil keputusan tidak mahu menamakan, itu merupakan hak kita.

Dan sepertimana yang telah saya sebutkan ia langsung tidak menjejaskan apa-apa status quo.

**Tuan R. Karpal Singh:** (Bangun)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Jelutong bangun Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Pengerusi, kenapa menggelarkan ini sebagai hak? Jika ini hak, if this is a right, that is a 'stupid right' kerana tentu ada sebab tidak mahu menamakan dia; dalam kepentingan orang ramai tidakkah rakyat ada hak untuk mendapat tahu identiti hakim ini. Jangan main-main, ini perkara yang serius. Walaupun, you have been here for the first time, don't be childish, namakan dia!

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Pengerusi, orang yang memikir bahawa hak itu 'stupid' come from a stupid mind. Itu hak itu semua orang tahu, itu hak kebebasan. Kita hendak menamakan atau tidak menamakan itu hak kita. Dia kata itu bahawa rakyat tak tahu, rakyat semua sudah tahu, hendak tanya apa lagi?

Hakim cuma satu, yang menulis perkara itu cuma satu, semua sudah tahu hendak tunggu apa lagi? Dia sudah tahu!

**Tuan R. Karpal Singh:** Kenapa takut untuk menamakan dia? Jika semua rakyat sudah mengetahui, kenapa takut? Penakut! (Ketawa)

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Kita bukan penakut, dia tak faham! Dia bercakap tentang hak-hak, bila tentang hak kita dia hendak cabul. Tentang hak dia, dia tuntutan hak kita. Ini hak kita, kalau kita kata tak perlu hendak menamakan, tak perlu menama, sebab saya sudah beri alasan iaitu kita tak mahu dakwa orang ini. Dan bila kita tidak mahu dakwa, buat apa kita hendak sebut nama dia? Dan kalau awak sudah tahu sudahlah! Saya pun tak faham mentaliti orang Jelutong ini.

Tuan Pengerusi, soalan seterusnya, kerajaan berpendapat setakat dakwaan surat layang yang telah disiasat dan didapati tidak benar, maka keyakinan terhadap kehakiman adalah intact, sehinggalah ada kemungkinan kes yang lain pula yang dibangkit.

Saya rasa yang bersikap tidak adil di sini bukan kerajaan tetapi pembangkang yang telah pun memutuskan apa sekalipun hasil penyiasatan kehakiman tetap bersalah. Pembangkang cuba memperkuatkan hujah mereka dengan seringkali menyebut bahawa mereka menyuarakan pandangan rakyat yang besar. Kalau itu benar, mereka sepatut duduk di sebelah sinilah, bukan duduk di sebelah sana. Yang mewakili suara besar adalah kita dalam kerajaan.

Dalam keputusan mahkamah, saya tidak percayalah sepertimana yang Jelutong sebut iaitu bahawa satu keputusan itu dibuat secara adil yang mana pihak yang salah pun berasa puas. Saya rasa dalam keputusan mahkamah saya tidak percaya semua akan merasa puashati, yang kalah sudah tentu kecewa kerana dia kalah dan kalau dia merasa puashati itu ialah kerana bahawa dia daripada awal lagi dia tahu bahawa dia bersalah tetapi dia mahu tetap lawan dalam mahkamah kerana dia mahu hendak membeli masa sahaja.

Tuan Pengerusi, Ahli dari Tanjong dan Jelutong ....

**Tuan R. Karpal Singh:** (Bangun)

**Tuan Lim Kit Siang:** (Bangun)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Tanjong bangun, hendak beri jalan atau tidak?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya hendak jawab teruslah.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Dia tidak beri, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tanjong dan Jelutong ..... Banyak lagi ini Ahli Yang Berhormat

punya soalan, tunggulah. Saya banyak soalan yang hendak dijelaskan, nanti selepas ini baru, selepas ini bangkitkan balik, sebab saya punya perjalanan jawapan ini kita kena hormat sedikitlah. Sebab Ahli Yang Berhormat semalam bila bercakap sewaktu majlis, kita tak kacau dia pun, kita beri dia jalan terus, kita hendak mendengar.

Jadi, saya akan beri jalan selepas saya telah menjawab, setelah saya menjawab boleh tanya selepas itu.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Dia tidak beri jalan Yang Berhormat. Minta duduk Ahli dari Tanjong.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Pengerusi, Ahli dari Tanjong dan Jelutong telah menyatakan bahawa mereka tidak percaya hanya seorang sahaja yang terlibat. Saya hendak bertanya kepada Ahli dari Jelutong apakah betul dia merasakan bahawa isi kandungan surat layang ini adalah the work of a genius? Dengan izin.

Kami dalam kerajaan tidak menganggap bahawa isi kandungan itu adalah 'the work of a genius'. Sebab itu, kami berpuas hati dengan hasil penyiasatan yang menyatakan iaitu hanya seorang sahaja yang terlibat dalam penulisan surat layang ini. Mereka yang lain yang terlibat dalam kes ini yang dimaksudkan oleh Peguam Negara adalah mereka yang terlibat dalam menyebarkan surat layang ini. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat semua sedia maklum, surat layang ini tersebar begitu meluas, maka sudah tentulah ada orang lain yang terlibat bersama dalam pengedaran surat layang ini, bukan dalam penulisan.

Pihak polis menghadapi kesukaran untuk mengenal pasti orang-orang ini, sebab itu setakat ini dalam kes surat layang, kita hanya dapat mengesan seorang sahaja

iaitu hakim berkenaan yang bertanggungjawab dalam soal penulisan ini. Ini juga untuk menjawab perkara yang dibangkit oleh Ahli dari Tuaran tadi.

**Tuan Lim Kit Siang:** Yang Berhormat Timbalan Menteri kata bahawa kerajaan berpuas hati dalam kes ini bahawa selepas keputusan Peguam Negara sudah memulihkan keyakinan orang ramai terhadap badan kehakiman. Oleh kerana kerajaan Barisan Nasional merupakan kerajaan yang ada majoriti yang terbesar dalam Parlimen, maka itu adalah pandangan rakyat. Bukankah ini satu 'perverse logic' oleh kerana majoriti terbesar bukan bererti bahawa rakyat bersetuju dengan kerajaan dalam semua isu, khasnya dalam isu yang spesifik ini iaitu mengenai sama ada keputusan Peguam Negara adalah memulihkan atau 'worsen' keyakinan orang ramai terhadap kebebasan dan integriti kehakiman.

Adakah kerajaan rela untuk uji perkara ini dengan mengadakan satu 'national opinion poll' antara penduduk-penduduk negara ini sama ada mereka puashati dengan cara perkara ini nampaknya ditutup. Nampaknya kerajaan lebih asyik untuk 'hush-up' isu ini. Sama ada satu national opinion poll yang dijalankan oleh satu badan yang profesional, sama ada rakyat berpuas hati dengan cara Peguam Negara mengendalikan kes ini atau kes ini sudah 'worsen' keyakinan orang ramai terhadap badan kehakiman?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang kita kena tahu bahawa tidak semestinya popular opinion itu merupakan opinion yang benar. Ini kita kena jaga sedikit. Kadang-kadang kita ingat benda itu popular, tetapi ia tidak betul dan kita telah merdeka lebih daripada 35 tahun dan kaedah yang kita guna ialah demokrasi. Saya ingat sudah 8 kali atau 9 kali pilihanraya, dan itulah kaedahnya

dan siapa yang menang dan memerintah dengan mendapat suara yang besar, sepanjang Parlimen itu bersidang, dialah yang berhak untuk mengatakan bahawa dia mewakili rakyat yang terbesar—cara apa lagi? Kita semua bersetuju dengan rule of the games, dengan izin, iaitu kita ada pilihanraya, there is no other rule. Jangan pula kita kalah dalam satu game mengikut rule ini kita hendak buat rule lain pula, yang tidak semestinya boleh menjamin bahawa pandangan itu merupakan pandangan yang sebenarnya.

Saya sudah kata iaitu kalau benda itu popular tidak semestinya ia betul. Kalau benda itu popular, dapat suara ramai, dia betul, makna orang yang jahat pun, tetapi kalau dia popular, dia boleh jadi betul, semata-mata kerana public opinion memihak kepadanya.

**Tuan Lim Kit Siang:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Tanjong bangun.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Sekejap Yang Berhormat. Saya berkata bahawa oleh kerana krisis keyakinan ini berbangkit akibat daripada kes surat layang ini, maka dengan penyelesaian kes surat layang ini, saya kata setakat yang kes ini maka kepercayaan dan keyakinan rakyat terhadap badan kehakiman 'intact' setakat sehinggalah kalau ada kes lain—saya tidak tahu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Yang Berhormat Timbalan Menteri kata bahawa bukan oleh kerana seorang atau sesuatu isu itu popular ia adalah benar, saya setuju itu. Oleh kerana popular tidak boleh disamakan dengan benar atau tidak benar, majoriti Barisan Nasional bukan bererti dia benar. Barisan Nasional ada majoriti, tidak bererti dia benar dalam semua isu, semua kes dan sebab itu hujah-hujah ini sebenarnya ialah jawapan atau hancurkan kes Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri. Soalan di sini.....

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Nanti sekejap. Satu-satulah, nanti saya lupa. Beri peluang, saya akan beri jalan. Saya hendak bercakap tentang soal.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukan, ini bersangkutan paut dengan popular dan benar.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya, popular itu benar. Saya akan jawab itu. Nanti dahulu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Baik.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya sebut tadi bahawa apabila kita menghadapi pilihanraya, rakyat akan membuat keputusan mahu sokong ataupun tidak sokong parti itu, bukan atas soal isu. Ini atas soal isu untuk memastikan seseorang itu benar atau tidak benar, ini isu dia, maka atas isu ini, satu sahaja kita adakan opinion poll maka kita akan tengok. Susahlah, kalau begitu baik kita buang habis semua mahkamah, semua keputusan, keadilan, kita halakan kepada rakyat untuk memutuskan. Jangan ada mahkamah. Ada kes orang kena bunuh sahaja panggil semua rakyat buat opinion poll, sama ada orang ini betul bunuh ataupun tidak—ini sistem gila. Ini kita sebut pilihanraya. Pilihanraya bukan atas soal satu-satu isu pilihanraya, orang tahu hendak memilih kerajaan dan orang akan memilih kepada mana yang ia yakin boleh mentadbir dan menjaga negara itu. Semua orang tahu, waktu pilihanraya hendak buat apa? Hendak pilih kerajaan. Jadi, berbeza. Yang Berhormat tidak usahlah dok hendak pusing-puting. Orang kampung bolehlah, saya ingat dalam Dewan ini semua orang faham, jangan buat benda macam itu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tidak pusing-puting. Yang pusing-puting ialah Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang mengutarakan mengenai pilihanraya, mengenai majoriti, saya tidak sebut itu. Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri



yang pusing-pusing. Isu di sini bukan pilihanraya, bukan membentuk kerajaan, bukan siapa atau majoriti dalam Parlimen. Isu di sini yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah bahawa kerajaan percaya bahawa keputusan Peguam Negara dalam kes ini sudah memulihkan keyakinan orang ramai terhadap integriti dan kewibawaan kehakiman. Itu isu dan ini di cabar, bahawa ia tidak benar. Di sini kita kata oleh kerana Peguam Negara tidak rela untuk mendakwa hakim tersebut dan oleh kerana itu BPR tidak ada kewibawaan, kredibiliti dan apabila BPR kata semua alasan tidak diterima dan sebab itu keyakinan orang ramai terhadap badan kehakiman lebih serius.

Ini isunya, bukan siapa jadi kerajaan, siapa bentuk kerajaan, siapa menang dalam pilihanraya. Kalau kita mahu putuskan satu keputusan dalam perkara ini, bukan mahkamah perlu atau tidak perlu, tetapi sama ada dalam kes Peguam Negara mengendalikannya kes ini (kes surat layang) bahawa keyakinan orang ramai terhadap badan kehakiman tidak dipulihkan, bukankah cara yang terbaik sekali ialah satu opinion poll daripada rakyat. Bukan mengenai siapa jadi kerajaan, bukan dalam kes ini, sebab itu jangan pusing-pusinglah. Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri pusing-pusing.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya tidak pusing. Kalau yang kuat pusing ini orang sebelah sanalah, selalu pusing apa yang kita cakap. Saya duduk sini satu tahun lebih, saya tengok memang kaki pusing semua ini. Jadi sebab itu, yang saya bangkitkan benda ini sebab dia bercakap seolah-olah dia mewakili suara rakyat, seolah-olah apa yang dia cakap itu, itulah rakyat fikir. Siapa kata dia mewakili rakyat. Saya juga mewakili rakyat—Chenderoh, Tebrau, Besut, semua mewakili rakyat. Yang membangkitkan perkara ini pertama sekali ialah dia, sebab dia bercakap seolah-olah dia mewakili

suara rakyat. Siapa kata? Saya hendak mempertikaikan sebab saya tidak kata dia mewakili rakyat, saya tidak boleh terima itu, saya akan pertikaikan.

Sebab itu, yang bangkitkan perkara ini, yang pertama—dia. Walaupun dia ada beberapa orang di sebelah sana, tidak lama lagi 6 orang hendak mari sini, jadi, tinggal beberapa kerat orang, dia kata mewakili suara rakyat—ini apa? Dan sistem yang dicadangkan itu, saya hendak sebutkan di sini, bila dia kalah dalam sesuatu pertandingan dengan menggunakan game ini, dia hendak menggunakan game lain. Ini membuang masa. Apa hal pula hendak tanya kepada orang ramai sama ada benar atau tidak benar, biar, kita ada badan yang tertentu yang membuat keputusan, dan kalau mereka tidak bersetuju bila datang pilihanraya, mereka tahu apa mereka hendak buat.

Tidak payahlah hendak menjadi seorang yang seolah-olah dialah 'champion of the people' dan sebagainya. Kita pun 'champion of people', saya pun menang dalam pilihanraya. Dia yang pusing, dia kata saya pusing. Dia cuba nak pusing. Jangan pusinglah, dengan orang kampung boleh pusing, ini dalam Parlimen—saya hendak address isu ini Yang Berhormat, tetapi dia yang dok pusing dan kacau kita. Benda yang tidak berbangkit pun dia hendak sentuh. Kalau mahu saya jawab, saya akan jawab, jangan kacau saya.

Tuan Pengerusi, Jelutong membangkitkan berkenaan dengan soal bahawa dahulu soal kurang keyakinan terhadap mahkamah tidak berlaku, dahulu tidak berlaku soal hilang kepercayaan kepada kehakiman. Dia sebut berkenaan dengan waktu penjajahan dan waktu kerajaan selepas kita merdeka, maka tidak bangkit soal kurang kepercayaan kepada kehakiman. Mengapa sekarang ini berlaku?

Sebenarnya, saya fikir, mungkin bukan tidak wujud kurang kepercayaan kepada kehakiman pada waktu dahulu, tetapi mungkin tidak wujud pada ketika itu, kerana pada waktu penjajahan rakyat tidak boleh ataupun tidak berani untuk menyuarakan kerana kita tahu sahajalah, bahawa kerajaan dan kehakiman adalah merupakan kerajaan dan kehakiman penjajah dan kerajaan penjajah ini tidak dipilih secara demokrasi.

Jadi, sebab itu rakyat takut, rakyat tak boleh hendak hukum dia. Sebab itu disifatkan sebagai 'kuku besi', dan sebab itulah juga orang tak berani pada ketika itu hendak membangkitkan soal tidak percaya kepada mahkamah kerana dia takut pada ketika itu. Selepas merdeka pula mungkin rakyat masih lagi belum canggih, dan tidak ramai yang mendapat pendidikan lagi, maka oleh kerana itu maka tidak siapalah yang berani untuk mempersoalkan keputusan yang telah dibuat oleh mahkamah. Maka oleh kerana itu, saya rasa Jelutong tidak bolehlah membuat suatu perbandingan yang 'simplistic' mengatakan bahawa dahulu tak berlaku, sekarang berlaku, jadi mengapa.

Tetapi sebenarnya, dahulu tidak berlaku disebabkan oleh kerana mungkin dahulu waktu penjajah tak ada kesempatan langsung hendak menyuarakan, tidak diizinkan dan dibenarkan. Dan juga selepas merdeka rakyat belum lagi mendapat pendidikan secara meluas dan belum lagi menjadi budaya yang ada seperti ini, yang mana sekarang ini masyarakat sudah canggih, maka segala keputusan yang dibuat oleh mahkamah atau apa sekali pun, sudah tentu akan dibangkit. Ini sihat, tidak mengapa. Tetapi janganlah untuk merendah-rendahkan mahkamah sekarang dengan membuat perbandingan yang begitu 'simplistic' sekali.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya Marang membayangkan seolah-olah hakim telah dipaksa berhenti. Kerajaan menafikan sekeras-kerasnya bahawa hakim itu

dipaksa untuk berhenti. Sebenarnya tak ada pilihan di atas kesilapan besar yang dibuat oleh beliau. Secara logiknya, kalau apa yang ditulis olehnya adalah benar, maka jalan yang baik untuk beliau terus mempertahankan dakwaannya dalam surat layang itu, kerana beliau sudah pun meletakkan jawatan sebagai hakim, dan tidak ada lagi kerugian yang lebih besar dari itu kalau beliau terus mempertahankan dakwaan dalam mahkamah. Tetapi beliau tidak buat demikian. Pepatah Melayu mengatakan "berani kerana benar, takut kerana salah". Jadi, kalau dibangkitkan bahawa dia dipaksa berhenti, itu tidak benar. Dia hendak dakwa di mahkamah, dia boleh buat. Tetapi kalau dia pilih untuk tidak buat, itu bukan masalah kerajaan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekali lagi saya mengucapkan banyak terima kasih kerana telah pun mengambil bahagian di dalam perbahasan ini, dan kalau sekiranya ada perkara yang dibangkit yang tidak saya jawab, saya harap boleh dimaklumkan kepada saya. Sebenarnya boleh juga saya maklumkan melalui surat kalau diingini. Saya ingat setakat itu sahaja. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM11,280,000 untuk Maksud B.4; RM870,100 untuk Maksud B.6; RM30,000,010 untuk Maksud B.7; RM1,988,200 untuk Maksud B.10 dan RM3,220,000 untuk Maksud B.11 di bawah Jabatan Perdana Menteri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM11,280,000 untuk Maksud B.4; RM870,100 untuk Maksud B.6; RM30,000,010 untuk Maksud B.7; RM1,988,200 untuk Maksud B.10 dan RM3,220,000 untuk Maksud B.11

diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Maksud P. 17 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.2) 1996)-**

**Tuan Pengerusi:** Kepala P.17 di bawah Kementerian Belia dan Sukan terbuka untuk dibahas.

*(Tiada perbincangan)*

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM105,000,000 untuk Maksud P.17 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1996 di bawah Kementerian Belia dan Sukan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM105,000,000 untuk Maksud P. 17 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 1996.

**Maksud B.20 (Jadual)-**

**Tuan Pengerusi:** Kepala Bekalan B.20 di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri terbuka untuk dibahas.

*(Tiada perbincangan)*

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM10,000,000 untuk Maksud B.20 di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM10,000,000 untuk Maksud B.20 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Maksud B.30 dan B.32 (Jadual) - Maksud P.28 dan P.32 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.2) 1996)-**

**Tuan Pengerusi:** Kepala Bekalan B.30, B.32 dan Kepala Pembangunan P. 28 dan P.32 di bawah Kementerian Kewangan terbuka untuk dibahas.

*(Tiada perbincangan)*

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM830,000 untuk Maksud B.30 dan RM10 untuk Maksud B.32 di bawah Kementerian Kewangan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM830,000 untuk Maksud B.30 dan RM10 untuk Maksud B.32 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM24,918,486 untuk Maksud P.28 dan RM10 untuk Maksud P.32 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1996 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM24,918,486 untuk Maksud P.28 dan RM10 untuk Maksud P.32 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 1996.

**Maksud B.34 (Jadual)-**

**Tuan Pengerusi:** Kepala Bekalan B.34 di bawah Kementerian Kesihatan terbuka untuk dibahas. Seputeh.

4.46 ptg.

**Tuan Liew Ah Kim (Seputeh):** Tuan Pengerusi, Kertas Perintah 9A, Tahun 1996, Maksud B.34 yang memerlukan tambahan sebanyak RM19 juta bagi Kementerian Kesihatan adalah membabitkan kenaikan kadar oleh Tenaga Nasional Bhd., kenaikan kos ubat-ubatan, pertambahan subsidi untuk rawatan di Institusi Jantung Negara dan pemberian bantuan kewangan kepada Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia. Sama ada kenaikan dalam semua kos atau tidak adalah menjadi tanggungjawab kementerian memberikan perkhidmatan kepada rakyat. Oleh itu, dalam menyalurkan perkhidmatan ini, rawatan kepada pesakit-pesakit adalah lebih penting diutamakan daripada mencari keuntungan.

Sekiranya pihak kementerian mementingkan keuntungan dalam masa kenaikan kos semua keperluan, maka golongan yang berpendapatan rendah tidak akan mendapat rawatan yang sempurna. Mereka akan berhadapan dengan risiko maut, terutama berhadapan dengan penyakit yang merbahaya. Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan sendiri dalam bulan Ogos tahun 1992 mengakui ramai golongan yang tidak mampu membayar bil rawatan, malu menjelaskan kedudukan mereka kepada penguasa perubatan, menyebabkan kementerian menanggung tunggakan bayaran rawatan hospital kira-kira RM55 juta sejak tahun 1960. Ini menunjukkan kebanyakan rakyat di negara ini masih belum mampu membayar bil rawatan yang tinggi, terutama yang membabitkan pesakit jantung dan pesakit buah pinggang.

Memang kita boleh bercakap bahawa di dunia ini tak ada satu pun yang percuma. Tetapi semenjak bertahun-tahun dahulu rakyat negara ini tidak pernah mendapat rawatan percuma dan tidak mengeluarkan wang. Tuan Pengerusi, percuma maknanya tidak mengeluarkan wang. Adakah selama

ini rakyat tidak pernah mengeluarkan wang untuk mendapatkan rawatan? Apa yang diharapkan dari kementerian ialah bayaran yang dikenakan biarlah tidak membebankan golongan berpendapatan rendah, kerana mereka tidak mampu mendapatkan rawatan di hospital pakar, seperti di Tawakkal atau di Ampang Puteri.

Sekiranya bayaran yang dikenakan terlalu tinggi bagi mendapat rawatan di hospital, ke mana lagi mereka mahu mengharapkan bantuan? Sebab itu, rawatan yang diberikan hendaklah berbentuk perkhidmatan, dan bukannya perniagaan yang mementingkan ringgit dan sen.

Peruntukan yang diminta Dewan ini meluluskan perlulah mengambil kira kepentingan rakyat berpendapatan rendah supaya boleh memberikan subsidi dengan mengenakan bayaran yang tidak membebankan mereka.

Tuan Pengerusi, mereka yang berpendapatan rendah sudah tentu tidak diutamakan mendapat rawatan di Institut Jantung Negara (IJN) dan terpaksa menunggu giliran sehingga mampu menyediakan wang yang cukup. Sebagai Ahli Parlimen, saya sendiri merasa amat berat untuk menanggung kos rawatan di IJN dan sudah tentu kalangan rakyat berpendapatan rendah hanya terpaksa menunggu kedatangan maut dengan tidak mendapat apa-apa rawatan. Tiga peringkat rawatan yang disediakan sekarang pun sudah cukup membebankan. Bagi rawatan ECG untuk pengesanan penyakit jantung di peringkat awal, seseorang terpaksa membayar RM300 ataupun hingga RM400, kemudian diikuti dengan rawatan atau peringkat kedua iaitu stretch test yang juga beratus ringgit bayaran dikenakan.

Begitu juga rawatan ketiga iaitu endogram sampai RM1,000 bayarannya. Bagaimanakah kalau dalam tempoh satu tahun seorang pesakit terpaksa melalui

dua atau tiga kali rawatan tidak termasuk sekiranya terpaksa dibedah yang memakan perbelanjaan sehingga RM25,000 sampai barangkali RM50,000? Kalau rawatan dalam negeri terpaksa menghadapi perbelanjaan yang tinggi, sudah tentu mereka tidak mampu untuk ke luar negeri. Adakah mereka terpaksa mengharap derma orang ramai bagi membiayai kos pembedahan atau mengharap risiko kedatangan maut sebelum mendapat apa-apa rawatan?

Tuan Pengerusi, oleh itu saya bimbang IJN akan hanya menjadi tempat orang berada atau orang kaya diberi keutamaan mendapatkan rawatan sedangkan golongan yang tidak berada dan berpendapatan rendah terpaksa menunggu hingga berbulan-bulan. Apakah kita mengalakkan orang ramai kembali mendapatkan rawatan tradisional kerana risiko menunggu masa dengan tidak mendapat rawatan lebih membahayakan nyawa mereka?

Tuan Pengerusi, bantuan kewangan kepada Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia dalam Maksud B.34—Kertas Perintah 9A, 1996, hendaklah mengambil kira pesakit-pesakit dari kalangan berpendapatan rendah yang terpaksa menanggung risiko perbelanjaan tinggi yang dikenakan kepada pesakit berpendapatan rendah bukan sahaja membebankan, malah tidak mempunyai pertimbangan yang saksama dan hilangnya nilai-nilai masyarakat penyayang.

*Utusan Malaysia* 8hb Disember, 1995 ada melaporkan bagaimana Mat Nayan bin Yasin meninggal dunia akibat sakit buah pinggang dan meninggalkan sebuah keluarga miskin iaitu 4 orang anak dan isterinya, Robiah Mat Isa berumur 54 tahun di Batu 51, Jalan Baru, Pantai Remis, Taiping, Perak. Tuan Pengerusi, keluarga ini dibebankan meskipun mereka tidak mampu mendapatkan rawatan pemulihan dari Hospital Taiping dan Manjung. Apa lagi untuk menanggung kos perbelanjaan

pergi dan balik melebihi 40km dari kampungnya. Kemiskinan adalah menjadi punca kenapa pesakit seperti Allahyarham Mat Nayan bin Yasin yang menghidap sakit buah pinggang tidak mampu mendapatkan rawatan yang cukup.

Tuan Pengerusi, kes seperti ini banyak berlaku di mana-mana. Mereka bukan sahaja terpaksa menanggung kos rawatan di hospital tetapi juga kos berulang-alik dari kampung ke hospital. Oleh itu, sekiranya kos rawatan sama ada bagi pesakit buah pinggang atau pesakit jantung perlu disubsidi dengan kadar yang rendah, pesakit-pesakit yang tinggal jauh dari hospital boleh mengurangkan kos berulang-alik. Beban kos dan perbelanjaan yang tinggi ini secara psikologi akan menambahkan lagi penderitaan pesakit yang terus akan hilang keyakinan untuk melawan penyakitnya. Maka, kedua-dua perkara ini saya menganggap adalah penting untuk pihak kerajaan menimbang supaya beban rakyat ini dapat dibiayai oleh kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, sila Yang Berhormat Klang.

4.47 ptg.

**Dr. Tan Yee Kew (Klang):** Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya ingin mengambil bahagian dalam perbincangan Maksud B.34—Kementerian Kesihatan—Butiran 010000 hingga Butiran 030000.

Saya menyokong sepenuhnya penambahan subsidi bagi Institut Jantung Negara dan bantuan kewangan kepada Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia. Bahkan saya ingin menyarankan agar Institut Jantung Negara ini diperbesar lagi agar pesakit-pesakit tidak perlu menunggu lama untuk giliran mereka menjalani pembedahan.

Bagi Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia pula, walaupun ia telah menghulurkan bantuan kewangan yang sangat-sangat diperlukan oleh pesakit buah pinggang yang kesempitan wang sejak ia mula ditubuhkan, malangnya ia hanya mengendalikan beberapa pusat dialisis. Saya difahamkan sehingga hujung tahun ini, sebanyak 10 pusat dialisis sahaja akan beroperasi di bawah pengelolaan yayasan ini. Oleh kerana mesin dialisis yang terdapat di hospital-hospital adalah untuk kegunaan kakitangan kerajaan sahaja, maka ramai pesakit buah pinggang yang miskin terpaksa mengharapkan perkhidmatan yang disediakan oleh pusat dialisis di bawah pengelolaan pertubuhan-pertubuhan sukarela. Yang sedihnya, kebanyakan pekan atau bandar kecil tidak mempunyai kemudahan tersebut.

Oleh itu, pesakit-pesakit buah pinggang yang miskin terpaksa menghadapi bermacam kesukaran untuk mendapatkan rawatan. Saya berharap agar Kementerian Kesihatan akan menimbangkan kemungkinan memperbesarkan perkhidmatan dialisis di setiap hospital kerajaan supaya ia boleh digunakan oleh sesiapa yang memerlukannya dan tidak hanya untuk kakitangan kerajaan sahaja. Sebaliknya kalau ini adalah hasrat kerajaan untuk menjadikan Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia sebagai badan yang utama untuk mengendalikan perkhidmatan dialisis untuk pesakit-pesakit yang bukan kakitangan kerajaan di seluruh negara, ini bermakna ia akan mengambil alih sebahagian daripada tanggungjawab hospital besar.

Oleh itu, saya menggesa supaya lebih banyak pemberian bantuan kewangan diperuntukkan kepada yayasan ini supaya pusat dialisis dapat ditubuhkan di tiap-tiap bandar di seluruh negara.

Perbelanjaan untuk rawatan pesakit buah pinggang adalah tinggi dan makin nyata sekarang ini jumlah pesakit-pesakit

yang merayu bantuan kewangan orang ramai semakin meningkat.

Saya ingin tahu adakah jumlah pesakit buah pinggang meningkat sejak beberapa tahun ini, sekiranya jumlahnya meningkat adakah Kementerian Kesihatan menjalankan sebarang penyelidikan untuk mencari sebab-sebabnya menghalang daripada dijangkiti penyakit? Bukan sahaja lebih baik daripada mengubatinya bahkan lebih menjimatkan, dengan izin, prevention is better than cure. Tuan Pengerusi, in this case, in the case of kidney failure, it is much cheaper.

Tuan Pengerusi, merujuk kepada Butiran 032200, saya juga ingin mengambil peluang ini untuk menyentuh sedikit mengenai kualiti perkhidmatan kesihatan awam. Sebagai rakyat Malaysia, kita sering berbangga dengan kemudahan kesihatan awam yang terdapat di negara kita, ianya merupakan salah satu yang terbaik di kalangan negara membangun dan yang termurah di dunia. Namun demikian, kita tidak seharusnya berpeluk tubuh dan berpuas hati dengan keadaan yang sedia ada. Ini adakah kerana apabila rakyat Malaysia semakin mementingkan kesihatan diri, tuntutan mereka ke atas penjagaan kesihatan yang sempurna semakin meningkat. Apa yang terjadi di hospital Alor Setar pada bulan lepas telah menimbulkan rasa cemas dan kebimbangan bukan sahaja di kalangan ahli-ahli perubatan, tetapi juga masyarakat amnya.

Bagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang belum memaklumi peristiwa tragik ini, ini adalah mengenai seorang gadis yang telah mengadu mengalami sakit perut dan kemudiannya dimasukkan ke dalam wad di hospital berkenaan. Gadis ini kemudiannya telah melahirkan seorang bayi tanpa pengetahuan staf hospital sehingga mayat bayi itu dijumpai di dalam laci sebuah kabinet di sebelah katilnya pada pagi berikutnya. Bagaimanakah perkara ini boleh berlaku? Mengikut

jawapan yang saya terima daripada Kementerian Kesihatan, gadis berkenaan bersama ibunya telah tidak memberi maklumat yang penuh dan tepat mengenai riwayat kesihatannya kepada pegawai-pegawai perubatan yang bertugas, kerana mereka ingin menyembunyikan keadaan gadis yang hamil pada masa itu.

Tuan Pengerusi, seorang wanita hamil yang sedang mengalami kesakitan sebelum melahirkan, pada hemat saya adalah suatu yang nyata, bagaimana dalam hal ini seorang gadis yang hamil tidak dapat dikesan oleh kedua-dua pegawai perubatan yang memeriksanya? Adakah di luar kefahaman saya adakah para doktor membuat diagnosis berasaskan maklumat yang diberi oleh pesakit semata-mata, tidakkah perlu seorang doktor membuat pemeriksaan ke atas pesakitnya sebelum beliau membuat penilaian?

Tuan Pengerusi, bukanlah niat saya untuk menyalahkan mana-mana pihak, tetapi kita perlu tahu sama ada hospital-hospital di negara kita, yang tercinta ini benar-benar berada dalam tangan pegawai perubatan yang betul-betul cekap dan bertanggungjawab?

Tuan Pengerusi, kita sering mendengar rungutan pesakit-pesakit Wad Kelas 3 mengenai kurangnya mereka mendapat perhatian dan simpati daripada staf hospital. Kita faham bahawa pegawai-pegawai perubatan termasuk para doktor dan jururawat kita menanggung bebanan kerja yang berat dan sentiasa mengalami tekanan. Tetapi apa yang terjadi dalam insiden ini saya rasa telah melampaui batas.

Merujuk kepada jawapan yang diberi oleh pihak Kementerian Kesihatan ke atas pertanyaan saya, jururawat-jururawat yang bertugas telah mengaku bahawa pesakit berkenaan telah mengaku mengalami sakit perut dari semasa ke semasa dan mengalami pendarahan. Bagaimanakah aduan kesakitan yang

dibuat oleh pesakit ini dibiarkan sahaja, sedangkan jururawat bertugas itu tahu bahawa pesakit sedang mengalami pendarahan.

Tuan Pengerusi, keadaan menjadi bertambah buruk, dengan izin, 'to absolve—to injury'. Apabila gadis berkenaan kemudiannya telah ditahan oleh pihak polis untuk siasatan, mengapa gadis itu yang ditahan? Gadis itu telah pergi ke hospital dan kemudian melahirkan bayinya, tetapi malangnya kelahiran bayi tersebut tidak disambut oleh sesiapa. Kematian bayi itu sepatutnya disiasat oleh pihak polis untuk memastikan sebab kematian itu berlaku terutama sekali untuk menentukan adakah kematian itu disebabkan oleh kecuai mana-mana pihak yang bertanggungjawab ke atas keselamatan gadis itu. Tetapi seperti dalam banyak kes yang melibatkan pembuangan bayi selalunya ibu muda bayi itulah yang dipersalahkan. Walaupun dalam kes ini ibu muda berkenaan telah pun menyerahkan nasibnya ke tangan pihak hospital. Kami ingin tahu apakah yang telah berlaku ke atas gadis itu sekarang dan apakah tindakan yang telah diambil ke atas mereka yang didapati bersalah kerana cuai dalam menjalankan tugas mereka?

Dengan ini, Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Bandau.

4.57 ptg.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili (Bandau):** Terima kasih, Tuan Pengerusi, sekadar.....

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum Yang Berhormat teruskan, saya ingin memberi sedikit pesanan bahawa memandangkan kita ada besok sahaja, seboleh-bolehnya 10 minit seorang berucap dalam Jawatankuasa.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tuan Pengerusi, saya bercakap tidak sampai 10 minit.

Di bawah Maksud B.34 tambahan sebanyak RM119 juta adalah dikehendaki untuk membiayai bayaran kenaikan kos utiliti pengangkutan dengan kenaikan kadar oleh Tenaga Nasional Berhad, kenaikan kos ubat-ubatan, tambahan subsidi untuk rawatan Institut Jantung Negara dan juga bagi pemberian bantuan kewangan kepada Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia.

Tuan Pengerusi, dari segi perkara ini, sepertimana yang dipohon sejumlah RM119 juta dan ingin saya menyentuh perkara berkaitan dengan kenaikan kos utiliti iaitu berikutan dengan kenaikan kadar oleh Tenaga Nasional dan juga kos ubat-ubatan.

Tuan Pengerusi, di dalam perkara ini kita berharaplah bahawa peruntukan tambahan yang begitu besar sekali, yang diberi kepada kementerian ini dengan izin, will pass on benefit ataupun manfaat kepada para pesakit khususnya di luar bandar, kerana pada saat ini, Tuan Pengerusi, pihak hospital mengadakan yuran untuk pesakit-pesakit luar dan juga bagi mereka yang dimasukkan ke dalam hospital. Maka bagi tempat-tempat di luar bandar banyak yang tidak mampu untuk membayar yuran hospital—yuran untuk meminta rawatan.

Pada tahun yang lalu saya pernah mengemukakan soalan tambahan pada Menteri Kesihatan dan beliau mengatakan bahawa pada waktu itu orang miskin atau orang yang tidak mampu itu tidak dipaksa untuk membayar yuran hospital kalau ada pengesahan daripada wakil rakyat misalnya, bahawa keluarga tersebut tidak mampu untuk membayar. Syukurlah terima kasih, bila saya memberi surat pengesahan kepada pesakit-pesakit yang benar-benar tidak mampu biasanya pihak hospital di daerah Kota Marudu dan Kudat

di kawasan saya, mereka menerima juga pengesahan tersebut. Tetapi di beberapa tempat lain tidak semuanya prosedur ini diambil, misalnya di kawasan Kota Belud, saya tahu ada kes di mana seorang keluarga menerima surat daripada pihak hospital yang mengatakan akan 'didenda' kalau tidak membayar apa yang belum diselesaikan.

Saya ingin minta, Tuan Pengerusi, dalam perkara ini supaya pihak Kementerian Kesihatan mempunyai satu sistem yang kemas dan tertentu untuk mengecualikan pihak pesakit-pesakit luar khususnya di luar bandar yang tidak mampu untuk membayar yuran hospital. Bukan sekadar *ad-hoc* basis, dengan izin, tetapi satu sistem yang tidak menyusahkan rakyat keseluruhan sebab sering kali kalau pihak masyarakat tersebut tidak mengetahui bahawa beliau perlu mengadakan pengesahan daripada wakil rakyat barulah dibebaskan daripada bayaran yuran. Maka mereka terpaksa balik mencari wakil rakyat mereka yang kemungkinan tidak ada di kawasan di sana untuk meminta pengecualian. Ini kita minta, Tuan Pengerusi, memandangkan peruntukan yang besar bahawa sepertimana saya sentuhkan tadi pemberian ini di 'pass-on' kepada pihak pesakit yang tidak mampu iaitu mereka yang dari golongan termiskin.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, di sini dikatakan bahawa bayaran ini kerana adalah kenaikan kos utiliti seperti kepada Tenaga Nasional Berhad, tapi kalau di peringkat negeri Sabah, saya tidak tahu di peringkat negeri yang lain, tapi khususnya di peringkat negeri Sabah. Saya merasa, Tuan Yang Pengerusi, sedia maklum, adakah mereka ini layak untuk diberi bayaran tambahan kos bagi Tenaga Nasional Berhad kerana di sana itu black-out dengan izin, berterusan.

Baru-baru ini, di Kota Kinabalu dua minggu yang lalu sekurang-kurangnya dua hari tidak ada letrik dan kalau kawasan



luar bandar lagi sepertimana yang dilaporkan setiap hari sebanyak 70 kali terputus bekalan elektrik. Jadi, apa yang terlibat ialah pihak-pihak hospital, khususnya mereka yang tidak mempunyai generator dan klinik-klinik kecil yang tidak ada back-up generator, dengan izin. Dan saya berharaplah pihak Kementerian Kesihatan dengan secara pengurusan yang efektif supaya tidak semestinya di beberapa daerah ini mereka dibayar kenaikan kos kerana pengaliran kepada hospital-hospital melalui pengaliran tenaga elektrik tidak memuaskan.

Jadi, saya berharap, pihak kementerian mengambil dengan berat kerana beberapa tempat misalnya di Hospital Daerah Kota Marudu, banyak kali menghadapi gangguan elektrik. Maka dengan itu, pada masa yang lampau generatornya belum pernah servis dan semuanya ada akibat yang tidak baik dan kepada para pentadbiran hospital.

Tuan Pengerusi, sekadar itu apa sumbangan dalam perkara ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kepong.

5.03ptg.

**Dr. Tan Seng Giaw: (Kepong)** Tuan Pengerusi, peruntukan lebih hampir RM120 juta hanya untuk membiayai kenaikan kos utiliti, berikutan kenaikan kadar oleh Tenaga Nasional Berhad dan juga kenaikan kos ubat-ubatan terutamanya di Institut Jantung Negara dan juga untuk Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia merupakan satu amaun yang besar. Walau bagaimanapun, saya nampak ada beberapa usaha daripada pihak kementerian untuk memperbaiki keadaan, misalnya Yayasan yang dibantu oleh pihak kerajaan, saya nampak ada tambah satu pusat dialisis di Kepong dan juga di Klang pada akhir-akhir ini. Saya mengalu-alukanlah ada usaha sedikit untuk memperbaiki keadaannya.

Walaupun bagaimanapun, memandangkan tiap-tiap tahun lebih dua ribu pesakit buah pinggang yang memerlukan rawatan dialisis dan kalau baik dan ada peluang untuk pembedahan pemindahan buah pinggang. Dan ini bermakna memerlukan lebih banyak pusat untuk dialisis sepertimana yang disarankan oleh Yang Berhormat Klang tadi, beliau tak tahu ada satu pusat yang baru yang diadakan oleh Yayasan Buah Pinggang di Klang juga.

Walaupun bagaimanapun, mengenai kos, saya nampak kalau di dalam klinik prebet kos sekali rawatan dialisis biasanya RM120 hingga RM200 dan kalau satu minggu kadangkala di dalam klinik swasta ini kos dialisis boleh sampai ke RM2 ribu setiap minggu. Ini bermakna kos untuk dialisis adalah sangat tinggi.

Saya tak tahu, apakah dasar pihak kementerian, bukan sahaja mengenai bantuan kepada pusat-pusat dialisis bahkan dasar untuk pemindahan buah pinggang? Memandangkan ada kependudukan Malaysia ini enggan menyumbang buah pinggang kepada pesakit dan ini bermakna kebanyakan pesakit buah pinggang tidak dapat pemindahan buah pinggangnya dan apakah dasar kerajaan untuk hal seperti ini? Dan kalau tidak silap saya ada pertimbangan yang dibuat oleh kementerian dan untuk mendapat buah pinggang daripada banduan-banduan.

Apakah dasar sekarang mengenai buah pinggang daripada banduan-banduan di Malaysia ini? dan dua, tiga tahun yang lepas, kalau tidak silap saya, ada 80 orang banduan yang menunggu masa kerana hukuman mati mandatori dan 80 orang ini, rela untuk memberi buah pinggang kepada pesakit buah pinggang.

Tetapi saya nampak keadaan di penjara kita, nampaknya tidak begitu sesuai untuk sumbangan buah pinggang seumpama ini. Kerana di penjara kita termasuk di Kajang tidak ada kemudahan dan juga masalah

etika (ethic), masalah kesihatan yang lain. Sebab, ini memang satu perkara yang rumit dan Yang Berhormat tidak pernah menerangkan di dalam Dewan yang mulia ini apakah siasatan yang dibuat oleh pihak kementerian untuk memastikan sumbangan daripada banduan seumpama ini dapat dijayakan?

Kalau kita ikut laporan daripada negara-negara seperti di China, kita dapati sumbangan daripada banduan, kejayaan pembedahan itu sangat kurang, kerana apabila buah pinggang diambil keluar daripada mayatnya terlalu lewat. Sebab itulah, pihak kementerian mestilah berwaspada mengenai hal ini terutamanya kerana soal etika timbul.

Dan satu perkara lagi, saya pun pernah kerap kali memberi pengesahan kepada pesakit-pesakit yang meminta bantuan kerana tidak mampu membayar di Institut Jantung Negara. Dan pihak kementerian pun ada berusaha untuk memberi pertolongan.

Walau bagaimanapun, saya nampak kosnya amatlah tinggi, masih tinggi di IJN dan adakah rancangan lagi untuk mengurangkan kos ini memandangkan sekarang pihak kerajaan sudah pun memberi peruntukan RM60 juta setiap tahun kepada IJN, ini satu amaun yang besar juga. Dengan adanya dua lagi pusat jantung di negara ini dan satu di Sarawak, kalau tidak silap saya, bolehkah Yang Berhormat terangkan di Sarawak adakah pusat jantung ini dibina oleh pihak kerajaan negeri ataupun oleh kementerian? Ada hasrat daripada pihak Kerajaan Negeri Sarawak hendak membina pusat jantung sendiri. Nampaknya kerajaan negeri Sarawak dia menganggap lebih mampu daripada Kerajaan Persekutuan. *(Ketawa)*

**Seorang Ahli:** Dia marah!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Oh! Dia marah Kerajaan Persekutuan? Saya nampak tidak macam itu kerana kita ada menteri daripada

Sarawak. Dengan pertolongan menteri-menteri dari Sarawak memang dia dapat mendesak pihak Kementerian Kesihatan membina pusat dengan cepat. Kita mesti jaga orang Sarawak juga dan termasuk Sabah. Sekarang kita akan mengadakan satu pusat jantung di Sarawak dan mesti diikuti dengan satu pusat di Sabah juga untuk keadilanlah.

Sebenarnya, saya berpendapat kalau kita boleh mengadakan pusat seumpama ini di setiap negeri pada masa akan datang, itu lebih sesuai memandangkan setiap tahun peratusan pesakit-pesakit jantungnya sampai 30% ataupun 40% daripada jumlah pesakit di negara ini dan patutlah kita mengadakan lebih banyak pusat jantung.

Tuan Pengerusi, di sini saya hendak membangkitkan mengenai dasar kerajaan ataupun apakah strategi kerajaan selain daripada memberi ....

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Cukup Yang Berhormat, sudah lebih sepuluh minit. Satu minit lagi.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Apa dia?

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Satu minit lagi.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Satu minit lagi?

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, masalah rumit IJN.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Sila teruskan, masa berjalan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya, masa berjalan.

Tuan Pengerusi, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri

menerangkan apakah hasil daripada kajian semula iaitu fee hospital termasuk di IJN dan apakah pindaan akan diadakan untuk fee ordinance.

Tuan Pengerusi, ada dua minit lagi?  
(Ketawa)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Sudah habis!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, sebab masalah sekarang ini tadi saya sibuk di luar, tak sempat datang ke sini dan saya nampak beberapa Kementerian sudah tidak dibahaskan lagi.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Itu sudah berlalu, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ha!

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Sudah berlalu!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya, saya nampak cepat sangatlah.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Masa cukup ya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Masa cukup?  
(Ketawa) Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, Tuan. Selepas Tuan, kementerian akan menjawab.

5.15 ptg.

**Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran):** Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya bangkit untuk mengambil bahagian membahaskan peruntukan B.34 sekali gus dan memang saya menyokong peruntukan yang diminta hampir RM120 juta itu untuk kegunaan-kegunaan atau maksud-maksud yang dimaksudkan.

Saya hanya ingin menyentuh mengenai peruntukan untuk bayaran kenaikan kos utiliti berikutan dengan kenaikan kadar Tenaga Nasional Berhad dahulu. Ini saya rasa adalah satu perkara yang kita tidak senang oleh kerana Tenaga Nasional Berhad sentiasa melaung-laungkan keuntungan yang besar tetapi adakah tanggungjawab Tenaga Nasional Berhad itu hanya untuk mengaut keuntungan tetapi tidak ada tanggungjawab kepada sosial di dalam negara kita.

Kita mengucap syabas kepada Kementerian Kesihatan oleh kerana dia memainkan peranan yang penting tentang menjayakan dasar kerajaan sebagai kerajaan yang penyayang, tetapi nampaknya Tenaga Nasional Berhad tidak akan mengambil bahagian di dalam perkara ini hinggakan menaikkan kos utiliti. Jadi, adakah tidak logik kalau pihak Tenaga Nasional Berhad membantu Kementerian Kesihatan supaya Tenaga Nasional Berhad sendiri observe, dengan izin, kos ini dan yang diperlukan hanyalah accounting procedure sahaja dan tidak perlu Kerajaan Persekutuan untuk membayar harga itu, oleh kerana dia bayar pun dia balik juga. Itu satu perkara yang perlu saya cadangkan supaya ada perbincangan di antara Kementerian Kesihatan dan Tenaga Nasional Berhad, oleh kerana ini akan berlanjutan dan rakyat yang akan dibebankan di dalam hal ini.

Jadi, yang kedua ialah tentang subsidi rawatan di Institut Jantung Negara, memang saya menyokong perkara ini kerana kita tahu semakin hari semakin banyak rakyat yang memerlukan bantuan ini dan hanya saya inginkan satu tindak balas daripada kementerian supaya bantuan ini disampaikan juga kepada rakyat di luar bandar. Dan saya mengambil satu contoh di satu kawasan saya di mana seorang guru yang tidak mampu untuk mendapatkan rawatan dan juga keluarganya memang tidak mampu dan rawatan itu ditangguhkan oleh kerana atas masalah kewangan, jadi, ini tidak

patut berlaku oleh kerana masalah sakit jantung ini tidak boleh ditahan.

Saya fikir pihak kementerian perlu membuat satu mekanisme di mana mereka yang betul-betul tidak mampu seharusnya dipertimbangkan dengan seberapa segera dan mungkin kalau perlu bayarannya bukan sahaja disubsidise, dengan izin, tetapi ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan mengikut keadaan, bukan kita mengharapkan segala-gala percuma, tetapi haruslah ada kelonggaran.

Tuan Pengerusi, mengenai dengan kenaikan harga ubat-ubatan ini, saya harap ini bukanlah timbul oleh kerana penswastaaan pharmacy. Saya difahamkan bahawa di daerah saya di Tuaran, kawasan saya sendiri, pharmacy sudah diswastakan dan kita faham bahawa bila sesuatu institusi itu ataupun perkhidmatan itu diswastakan maka timbul persoalan, iaitu adakah perkhidmatan itu masih di dalam bentuk perkhidmatan sosial ataupun perkhidmatan untuk komersil semata-mata untuk keuntungan.

Jadi, kalau pihak-pihak tertentu yang mengambil bahagian ataupun mengendalikan penswastaaan farmasi ataupun bekalan perubatan yang hanya mementingkan keuntungan sehingga menjejaskan kesihatan masyarakat keseluruhannya, maka kementerian haruslah berhati-hati di dalam hal ini oleh kerana ianya tidak selaras dengan dasar kerajaan ataupun masyarakat penyayang dan sudah tentulah pihak swasta memerlukan keuntungan. Tetapi jikalau dasar penswastaaan perubatan itu akan menjejaskan perkhidmatan perubatan, terutama mereka yang diluar bandar, kerajaan haruslah mempunyai satu mekanisme di mana kesihatan rakyat, terutama di luar bandar tidak akan terjejas akibat daripada penswastaaan itu.

Saya juga ingin mencadangkan supaya Institut Jantung Negara diadakan di Kota Kinabalu seperti yang dicadangkan oleh

Ahli dari Kepong, bukan kerana kita memerlukan perkhidmatan itu secara kenegerian, tetapi seperti yang saya telah katakan awal tadi, penyakit jantung itu tidak boleh tunggu, dan apabila keperluan timbul, ianya perlu dilakukan dengan segera. Dan itu dasar atau polisi yang harus dipertimbangkan oleh kementerian. Kalau kita dari Kota Kinabalu pergi ke Kuching yang memang ada rawatan IJN tetapi itu pun mengambil masa yang lama, lebih-lebih lagi kalau pergi ke Kuala Lumpur. Jadi, saya mintalah kerajaan atau Kementerian Kesihatan supaya mempertimbangkan dengan secepat mungkin untuk mengadakan cawangan Institut Jantung Negara di Kota Kinabalu secepat mungkin agar rawatan-rawatan yang diperlukan segera dapat dilakukan.

Tuan Pengerusi, saya fikir itu sahaja yang saya ingin sumbangkan di bawah Bekalan Maksud B.34. terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Timbalan Menteri menjawab.

5.23 ptg.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman):** Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan sokongan oleh Ahli Yang Berhormat dari Marudu, Cheras, Seputeh, Kelang, Bandau, Kepong dan Tuaran.

Saya ingin memberikan secara menyeluruh jawapan-jawapan bagi persoalan-persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu mengenai dengan pengecualian bayaran di hospital-hospital, terutamanya bagi mereka yang susah atau miskin. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, bahawa kerajaan Malaysia yang mengendalikan Kementerian Kesihatan tidak pernah lari dari tanggungjawab menjaga kepentingan masyarakat terutamanya yang

berpendapatan rendah, dan sampai ke hari ini, walau pun ada dasar seperti dasar penswastaaan dan sebagainya, tidak pernah ada keadaan di mana kita tidak memberi keutamaan dan terus menambah meningkatkan peruntukan-peruntukan dan keluasan pusat-pusat serta kemudahan-kemudahan untuk kepentingan supaya lebih memberi peluang kepada mereka yang berpendapatan rendah.

Jadi, soal sama ada kerajaan telah betul-betul memberi perhatian ini tidak perlu ditanya, kerana Kementerian Kesihatan melalui prosedur-prosedur hospital, memang telah memberi keutamaan kepada mereka yang susah seperti mengecualikan bayaran-bayaran kepada out-patient atau bayaran-bayaran kepada yang susah dalam menyediakan kemudahan-kemudahan di peringkat kelas 3 ataupun kelas 'free'; ataupun kelas yang tidak perlu dibayar. Jadi, perkara ini memanglah satu kenyataan dan saya berani mendapat laporan daripada mana-mana Ahli Yang Berhormat yang memaklumkan bahawa ada kes-kes yang berlaku tidak adil kepada mereka, supaya kita boleh menjalankan siasatan ke atas kes-kes yang dikatakan telah tidak peka dan prihatin kepada mereka yang susah.

Dalam kes berkenaan dengan peningkatan kos utiliti akibat daripada kenaikan kadar oleh TNB, kita maklum bahawa dalam semakan semula kadar tarif elektrik oleh TNB, bangunan-bangunan di bawah Kementerian Kesihatan telah diklasifikasikan sebagai kategori B di mana tarif seunit elektrik dinaikkan kepada 24 sen kepada 27 sen. Ini bermakna kos bekalan setiap unit elektrik bagi Kementerian Kesihatan akan meningkat sebanyak 12.5%, tambahan sebanyak RM5,300,000 diperlukan kerana ini berasaskan kepada perbelanjaan sebenar sebanyak RM52,795,000. Bagi tahun 1995, tambahan sebanyak RM4,950,000 adalah diperlukan dan sebanyak RM350,000 lagi diperlukan untuk menampung perbelanjaan bekalan

elektrik kepada beberapa buah hospital nucleus yang mula beroperasi pada hujung tahun 1995.

Namun, saya mengalu-alukan bahawa langkah yang boleh diambil, kalau ada kerjasama dengan pihak tenaga atau pihak kementerian yang mengendalikan utiliti ini, jika boleh dilakukan sesuatu untuk tidak mengenakan kenaikan yang begitu rupa hingga boleh menambahkan bebanan kos kepada perbelanjaan Kementerian Kesihatan kerana ini boleh dilimpahkan kepada keperluan meluaskan lagi rawatan-rawatan perkhidmatan terutamanya dalam sektor-sektor kritikal.

Tambahan peruntukan untuk ubat-ubatan, terutamanya yang menyentuh tentang penswastaaan sama ada ia berkaitan dengan akibat kita melaksanakan proses penswastaaan, sekali lagi saya ingin menerangkan dan saya pernah menyebut di dalam Dewan ini bahawa, walau apa pun langkah yang kita lakukan, sama ada proses korporatisasi (privatisation) ia tidak akan menambahkan bebanan kepada mereka, terutamanya yang susah. Seperti yang kita tahu, perbelanjaan untuk ubat-ubatan bagi tahun 1996 dijangka meningkat kepada RM263 juta berbanding dengan RM252 juta pada tahun 1995 kerana:

- (i) peningkatan kos perbelanjaan sebanyak 10% adalah akibat daripada penggunaan ubat-ubatan yang bertambah;
- (ii) harga ubat-ubatan yang dibekalkan oleh Remedy Pharmaceutical Sdn. Bhd—badan swasta yang telah mengambil alih Central Storage telah meningkat secara keseluruhan sebanyak 15% ke 20% berbanding dengan harga makmal ubat dan stor di Petaling Jaya.

Peningkatan kos tersebut adalah disebabkan oleh faktor-faktor seperti rundingan terus dan tambahan butiran ke dalam 'approve product purchase list',

dengan izin, Remedy Pharmaceutical (Malaysia) Sdn. Bhd. Dan juga perbekalan.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Kepong bangun, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, minta penjelasan. Tuan Pengerusi, saya nampak hanya ada 5 kementerian sahaja dan kita ada hampir 5 jam lagi—5 kementerian sahaja dan tidak patutlah kita hadkan ucapan sekarang. Pada halnya ada 5 kementerian sahaja lagi.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat hendak bertanya apa?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya, penjelasan. Pertama, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan mengenai medical store yang sudahpun diswastakan dan matlamat penswastakan itu ialah untuk menambahkan kecekapannya (efficiency) dan juga kalau boleh mengurangkan kos, tetapi nampaknya sebaliknya yang berlaku. Setelah penswastakan itu, kos meningkat dari 10% - 15%. Ini memang memerlukan satu penjelasan mengenainya.

Kedua, dengan hasrat pihak kerajaan untuk menswastakan atau meng-korporatisekan, memperbadankan hospital-hospital dan sebagainya, tambah pula di sektor swasta juga konsep penswastakan ini sudah bertambah canggih (sophisticated) dan kekhuatiran rakyat ialah hanya mementingkan keuntungan sahaja. Itu masalahnya.

Adakah pihak kementerian menggubalkan dasar supaya sama ada di dalam perkhidmatan kerajaan ataupun di swasta perkhidmatan perubatan tidak semata-mata bergantung kepada falsafah keuntungan sahaja?

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Tuan Pengerusi, seperti yang

saya maklumkan bahawa dalam usaha kita membuat privatisation ini, telah semestinya kita masih berpegang kepada soal membuat 'saving', dengan izin, memastikan supaya 'efficiency' itu tetap berlaku dan juga dapat mengambil kira keselamatan dari segi bayaran-bayaran yang tidak perlu dibayar oleh kerajaan. Tetapi dalam masa kita membuat kiraan itu, kita telah tidak ambil kira tentang 'overhead cost' yang perlu diambil kira seperti sewa bangunan. Dalam kerajaan dahulu ia adalah kerajaan punya bangunan, jadi kita tak perlu bayar sewa. Pengangkutan kita tak perlu, kerajaan yang 'manufacture' barangan itu, jadi kita tidak ambil kiralah tentang soal belian dan sebagainya, dan boleh control cost.

Tetapi dalam usaha privatisation ini, saya ingin maklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa kita telah mendapat penyelamatan sebanyak RM5 juta setiap tahun. Kita juga telah mempunyai satu sistem efficiency, sistem yang lebih efisien seperti mendapat sistem MIS, maklumat yang terkini dapat diketahui daripada hospital-hospital yang perlu penggunaan dan pembekalan ubat-ubatan secara 'on-line' yang dahulunya kita tidak berupaya melakukan segala 'overhead' seperti bayaran gaji, sewaan, transporting dan sebagainya mereka ambil kira dalam konteks 15% peningkatan itu, termasuk 'stock-holding'. Kalau dahulu kita tidak mempunyai sistem yang cekap dari segi dapat meng'estimate' keperluan-keperluan bekalan, tetapi akibat daripada cadangan yang disampaikan oleh pihak yang mengambil alih secara penswastakan ini, mereka telah dapat melaksanakan untuk menghilangkan bebanan kepada pihak kerajaan.

Jadi, inilah di antara perkara-perkara 'saving' RM5 juta dan juga perkara yang tidak termasuk dalam perkiraan sewaktu kita membuat penawaran dan cadangan penswastakan ini.

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Tak payahlah, saya sudah beri sebab. Jadi, okaylah. Kita rasa ia adalah bersempal dan yang penting ialah ia tidak langsung menjejaskan keupayaan mereka yang tidak berupaya membayar seperti yang saya katakan. Bayaran ubat naikkah, itu antara urusan kerajaan dengan mereka yang menjalankan perkhidmatan penswastaan. Tetapi yang susah, yang miskin tidak perlu bayar ubat walau apapun kos perubatan itu. Jadi, saya telah terangkan.

Perkara selanjutnya berkenaan dengan skim pengecualian yang dibangkitkan, berkenaan dengan kekurangan tempat mendapat rawatan sakit jantung dan masalah yang layak dirawat. Seperti yang saya juga pernah maklumkan bahawa ada prosedur-prosedur yang digunakan oleh pihak kementerian dan juga pihak IJN, di mana pertamanya secara umum IJN memberi rawatan kepada mereka dalam kategori emergency secara serta-merta untuk tujuan tidak menjejaskan nyawa pesakit yang dalam kategori emergency. Siapa juga, sama ada yang susah dan sebagainya.

Selainnya, dia mengikut priority atas dasar yang datang dahulu dan sebagainya mengikut kepada kelayakan mereka sama ada dalam kategori pegawai kerajaan ataupun yang memerlukan bantuan dan sebagainya. Tetapi mestilah mendapat rujukan atau 'referral' daripada pegawai-pegawai pakar ataupun daripada pegawai-pegawai perubatan dari hospital kerajaan mesti dapatkan laporan itu, dan juga mesti mendapatkan dalam laporan itu sekali pengesahan kedudukan taraf sosio-ekonomi. Kalau tiada sokongan atau verifikasi, sokongan kedudukan sosio-ekonomi itu, memanglah sukar bagi kita hendak tahu 'genuine' kes itu atau tidak.

Jadi, peluang ataupun tugas Yang Berhormat termasuklah untuk melaksanakan proses ini supaya tidak menjadi satu perkara yang keliru dan

akan berlakulah keadaan yang tidak menentu. Dan banyak lagilah maklumat dan prosedur-prosedur yang harus pesakit dan juga penjaga pesakit itu atau mereka yang bertanggungjawab untuk mengedarkan maklumat-maklumat supaya menjadi pengetahuan umum tentang kriterianya sebelum boleh mendapat pengecualian. Peranan Kementerian atau Jabatan Kebajikan Masyarakat juga diperlukan untuk memperakukan. Kalau tiada perakuan ini secara bertulis atau pengisian borang yang tidak lengkap, IJN tidak boleh memproseskan keperluan atau permohonan ini mengikut prosedur yang telah diturunkan.

Jadi, dengan itulah maka IJN paling kurang kalau tiada rujukan dokumen-dokumen seperti yang telah diturunkan dalam prosedur untuk penggunaan jabatan, kita terpaksa sekurang-kurangnya memohon RM500 daripada pesakit dan bakinya akan dikendalikan oleh pihak kerajaan setelah diselaraskan keperluan dokumen-dokumen itu dan perkara ini harus dibantulah oleh mereka yang bertanggungjawab.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin membangkitkan tentang masalah Yayasan Buah Pinggang yang dikatakan bahawa memanglah diperlukan kerana ia merupakan satu perkara yang harus kita ambil kira, termasuk tadi komen ataupun pandangan Ahli Yang Berhormat dari Kelang. Pertamanya kita harus maklum bahawa kes buah pinggang ini adalah merupakan perkara yang meningkat. Jumlah pesakit-pesakit yang sentiasa meningkat walaupun jumlah yang ada, kemudahan yang ada sekarang dalam kerajaan dan di luar kerajaan, jumlah keseluruhannya adalah sebanyak 2,204, iaitu pesakit yang sekarang dalam 'treatment' sama ada di badan-badan kerajaan, di hospital-hospital kerajaan, bukan kerajaan ataupun di klinik-klinik swasta dan hospital termasuk pusat-pusat dialysis dalam badan-badan bukan kerajaan, dan juga yang kita bantu melalui RM15

juta ini kepada Yayasan Buah Pinggang Negara. Kalau tanpa bantuan RM15 juta ini yang dianggarkan akan bertambah sebanyak 600 kes yang boleh diberi treatment ataupun perkhidmatan rawatan, kerana akan ditambah pusat-pusat rawatan daripada Yayasan Buah Pinggang Negara ini daripada 4 kepada 10 pusat-pusat rawatan, setiap pusat boleh mempunyai 10 mesin dan boleh merawat sebanyak 6 pesakit setiap hari, bermakna dia meningkat daripada 240 kepada jumlah 600 pesakit.

Ini bermakna satu sumbangan yang besar untuk tujuan Yayasan dapat memberi perkhidmatan diluaskan khususnya kepada mereka yang susah atau yang kurang bernasib baik, kerana rawatannya jauh lebih rendah, iaitu sebanyak RM60 dibandingkan dengan rawatan-rawatan lain selain daripada yang disediakan oleh kerajaan. Namun demikian, kita masih membuat target, sasaran bahawa kita dalam keadaan di mana kita menarget sebanyak 50 setiap 100 juta population untuk kita memberi rawatan sehingga tahun 2000 nanti. Jadi, bermakna kita ada target yang kita gunakan, selain daripada usaha pihak kerajaan, usaha yang kita tingkatkan dengan pusat-pusat yang dikendalikan oleh pihak bukan kerajaan, termasuk yang akan terus kita tingkatkan dari semasa ke semasa.

Tetapi seperti yang dimaklumkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kelang bahawa usaha ini bukanlah kita bergantung hanya kepada kerajaan. Kerana tujuan kita untuk mengadakan dan membelanjakan begitu banyak kewangan dalam kempen-kempen kesihatan adalah supaya kita dapat menerapkan rasa kesedaran dan tanggungjawab terhadap kesihatan sendiri. Jadi, sebab itulah usaha untuk menjalankan kempen-kempen kesihatan seperti tahun ini, temanya ialah "Mencegah Diabetes" adalah dengan tujuan supaya rakyat sendiri dapat mengamalkan dan berusaha untuk mengambil langkah-langkah mencegah melalui usaha-usaha pemakanan

seimbang, mengambil 'exercise', dengan izin, dan juga mengawal berat badan dengan dapat kita menjadikan ia satu kebudayaan, kesedaran diri untuk penjagaan kesihatan, khususnya dalam konteks penyakit diabetes ataupun buah pinggang.

Jadi, dalam soal ini berkenaan dengan usaha supaya bolehkah kerajaan memberi pertimbangan kepada bank 'donation' atau sumbangan organ yang kita memang galakkan, kerana kita sudah memaklumkan bahawa tiada salahnya dari segi fatwa, kerana itu telah pun dicapai dalam satu persetujuan Majlis Fatwa di peringkat dunia dan banyak negara-negara Islam telah pun melaksanakannya. Cuma di negara kita akibat daripada budaya dan taboo yang berlaku dalam masyarakat, ini menyebabkan kurang mendapat perhatian ataupun pertimbangan berkenaan dengan sumbangan daripada banduan dan perkara itu masih dalam kajian.

Namun demikian, sementara menunggu rawatan secara berterusan daripada bantuan mesin dialysis kepada satu bantuan yang lebih jangka panjang, iaitu membuat operasi ataupun pemindahan buah pinggang, cara yang paling baik ialah menggalakkan antara ahli keluarga. Tetapi kalau ahli keluarga tidak, itulah sebabnya kita mesti menggalakkan usaha-usaha daripada orang ramai untuk membolehkan ataupun saudara-saudara yang meninggal membenarkan dan merelakan supaya organ mereka dapat disumbangkan kepada bank organ yang disediakan oleh persatuan yang telah ditubuhkan.

Saya ingat, lain-lain perkara bersangkutan dengan kualiti perkhidmatan di hospital awam yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Klang, insiden di Hospital Alor Setar saya ingin mengatakan bahawa perkara ini akan disiasat lanjut. Mengikut laporan awal, pesakit enggan memberi maklumat penyakit sebenar dan



tidak memberi kerjasama untuk diperiksa secara fizikal. Oleh itu, pegawai perubatan tidak dapat mengesan penyakit ataupun masalah sebenar kerana pesakit itu pun tidak membenarkan dirinya diperiksa dan telah menghilangkan diri.

Oleh kerana itu umumnya masalah kes seperti ini adalah masalah wanita yang bermasalah dan ada kes-kes yang berkaitan dengan keperluan perkhidmatan kaunseling yang secara utamanya, maka adalah juga tugas dan tanggungjawab kementerian lain. Tetapi dengan adanya kerjasama yang sedang dalam proses dibicarakan dan dirunding, iaitu untuk mewujudkan prosedur-prosedur memberi perkhidmatan yang baik, maka di samping itu, kita memberi khidmat kaunseling kepada wanita-wanita yang bermasalah atau disangkakan bermasalah untuk tidak menyebabkan mereka ini lari daripada pihak-pihak berkuasa termasuk authority perkhidmatan perubatan kerana masalah malu dan sebagainya kerana ini merupakan satu masalah stigma dalam masyarakat.

Selain dari yang demikian, saya rasa saya telah memberi secara menyeluruh jawapan-jawapan kepada persoalan-persoalan yang dibangkitkan. Walau bagaimanapun, berkenaan dengan soalan kajian fee yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kepong, IJN telah menjalankan satu kajian yang terperinci bagi mengemukakan yuran-yuran perubatan. Akibat daripada itu, satu kadar yuran baru telah diperkenalkan mulai 1hb. September, 1995 di mana sebilangan kadar-kadar bayaran telah dikurangkan. Saya ingat itu sahaja yang dapat saya...

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:**  
(Bangun)

**Tuan Pengerusi:** Ya, ada yang bangun ya.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:**  
Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya tadi

memang bercadang hendak bercakap. Oleh kerana sebab-sebab tertentu, saya pergi keluar. Jadi, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri berhubung dengan IJN ini. Saya baru diberitahu kalau pegawai kerajaan dimasukkan ke dalam Institut Jantung Negara ini, dia kena caj RM12.50 sahaja semalam. Tetapi kalau orang luar, dia kena caj RM2,500 semalam. Jadi, soalan yang berbangkit macam mana yang disebutkan oleh rata-rata kawan-kawan tadi berhubung dengan caj yang begitu tinggi dikenakan kepada orang luar, jadi maknanya tempat ini menjadi satu tempat yang eksklusif, untuk orang yang banyak wang dan berkemampuan. Jadi, rakyat yang miskin jadilah begitu sahaja dan terbiar.

Jadi, soalan saya siapakah kategori pegawai-pegawai kerajaan ataupun ada hubungan kait dengan kerajaan? Adakah termasuk Ahli Parlimen, ADUN dan sebagainya yang mendapat rahmat sebegitu baik boleh masuk ke hospital ini dan dikenakan caj RM12.50 untuk semalam ini?

Yang kedua, soalan saya, minta maaf lah lebih sedikit ya. Kalau kita melawat Zoo Negara, kita dapati banyak binatang di sana di'sponsor' oleh syarikat-syarikat besar. Jadi, kenapa pula manusia tidak boleh diatur macam itu juga kalau masuk hospital yang begitu mahal sekali macam ini? Maknanya kita mempunyai satu senarai syarikat-syarikat besar di hospital ini dan apabila seseorang yang tidak berkemampuan untuk membayarkan caj yang dikenakan kepada orang masuk ke hospital IJN ini, pihak IJN telefon terus syarikat itu supaya sponsor secara automatik dibuat.

Maknanya rapport ataupun perundingan daripada pihak kerajaan perlulah diadakan kepada syarikat-syarikat yang telah mendapat untung yang begitu banyak sekali di negara ini dan pulangan sepatutnya diberilah kepada masyarakat yang tidak berkemampuan yang perlu

menerima bantuan daripada mereka dan mungkin juga menyambungkan hayat mereka, walaupun dari segi agama susah hendak sebut macam ini kerana kalau ajal itu sudah sampai, sampai juga. Tetapi sekurang-kurangnya ikhtiar kita membuat satu tindakan supaya siksa dan penyakit mereka ini boleh diubat sama rata macam orang yang berkemampuan sendiri.

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman:** Tuan Pengerusi, saya ringkaskan pandangan dari Yang Berhormat tadi berkenaan dengan imbalan antara perbelanjaan yang disediakan oleh pihak kerajaan kepada kategori pesakit-pesakit dan saya tidak ada detailnya tetapi saya ada sebagai bayangan kepada Yang Berhormat, bahawa pesakit-pesakit kakitangan kerajaan termasuk tanggungan kerajaan serta mungkin segelintir yang masuk dalam kategori yang mampu membayar atas dasar mendapat rawatan bersegera, tidak lebih dalam keadaan antara 63% ataupun 84% dalam data outpatient, favorably statistic; bandingan antara tahun katalah tahun 1995 dengan 1996; pesakit dalaman yang mendapat perkhidmatan surgery iaitu pesakit kakitangan kerajaan dan tanggungan kerajaan pada 1995 dari segi bilangan kita dapat memberi khidmat sebanyak 4,459 orang iaitu sebanyak 66% kalau dibandingkan dengan 1996 setakat ini di pertengahan tahun; sebanyak 1,762 iaitu sebanyak 63% bagi pesakit-pesakit kakitangan kerajaan dan tanggungan kerajaan dan segelintir yang lain-lain yang boleh membayar.

Kalau dibandingkan dengan pesakit yang tidak mampu, pada tahun 1995 sebanyak 2,353 orang yang mendapat khidmat surgery iaitu sebanyak 34% kalau dibandingkan dengan 1996 setakat bulan Julai, 1,046 orang dengan kadar sebanyak 37%. Jadi, itu saya beri dari segi yang mendapat khidmat surgery.

Kalau yang mendapat khidmat persakit luar pun, pada tahun 1995 sebanyak 24,105

orang telah mendapat rawatan dalam kategori kakitangan kerajaan dan tanggungan kerajaan sebanyak 86% dan dibandingkan dengan tahun 1996 iaitu 10,465 atau sebanyak 84%. Bagi pesakit yang tidak mampu, pada tahun 1995 4,037 bilangannya iaitu sebanyak 14% dan 1,956 sebanyak 16% iaitu setakat pertengahan tahun ini. Itu sebagai contoh menunjukkan bagaimanakah kita ambil kira tentang soal subsidi ataupun soal perkhidmatan yang kita berikan.

Jadi, saya rasa itu sahajalah, Tuan Pengerusi. Saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan sokongan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM119,000,000 untuk Maksud B.34 di bawah Kementerian Kesihatan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM119,000,000 untuk Maksud B.34 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Maksud B.36 (Jadual)-**

**Tuan Pengerusi:** Kepala Bekalan B.36 di bawah Kementerian Dalam Negeri terbuka untuk dibahaskan. Ya, Tuaran.

5.48 ptg.

**Tuan Yunof Edward Maringking (Tuaran):** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membahaskan Maksud B.36 ini dan saya memang menyokong peruntukan yang diberikan memandangkan tahun ini kerajaan negeri Sarawak akan mengadakan pilihan raya umum Dewan Undangan Negeri dan kita tahu bahawa polis akan memainkan peranan yang penting di dalam meneruskan proses demokrasi dalam

negara kita ini dan RM5,700,000 ini kalau kita pandang memang mahal ataupun besar jumlahnya, jika kita fikir dari segi perbelanjaan, tetapi kita juga harus mengingatkan bahawa proses demokrasi ini perlu dipertahankan.

Tugas polis di dalam pilihan raya meliputi dua perkara iaitu dari segi keamanan semasa pilihan raya ataupun di sekitar semasa pilihan raya diadakan dan juga kesalahan-kesalahan pilihan raya. Jadi, itulah kepentingannya maksud ini.

Apa yang saya ingin sentuh di sini, Tuan Pengerusi, ialah agar pihak polis semasa bertugas haruslah berlaku adil kepada rakyat keseluruhannya. Saya berkata demikian, oleh kerana waktu pilihan raya Parlimen di Sabah pada tahun 1995, terdapat satu kejadian di mana ada orang yang membahagi-bahagikan wang semasa pengundian dan orang yang membahagi-bahagikan wang itu telah ditangkap setelah polis diberitahu. Tetapi yang anehnya tidak ada tindakan telah diambil oleh pihak polis terhadap orang yang ditangkap ini sehingga sekarang.

Saya ingin satu penjelasan daripada Kementerian Dalam Negeri mengapakah tidak ada tindakan telah diambil dan mungkin untuk rujukan, saya tidaklah bermaksud meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab sertamerta oleh kerana ini adalah satu perkara yang perlu disiasat. Saya memahami masalah beliau untuk menjawabnya, tetapi saya ingin supaya diadakan satu penyiasatan dan kalau boleh secara bertulis kenapa kes ini tidak ada penyelesaian ataupun tindakan hingga sekarang iaitu laporan polis bernombor 658/95 di Ibu Pejabat Polis Papar yang telah dilaporkan pada 25.4.1995 oleh seorang yang bernama Juani @ Johny bin Masiton. Jadi, ini adalah satu perkara yang serius kerana ini merupakan satu kesalahan pilihan raya.

Kita menyokong peruntukan yang diberikan kepada jabatan polis ini, oleh

kerana kita tahu mereka mempunyai peranan yang penting. Tetapi yang kita tidak senang ialah ada kesalahan atau laporan yang disampaikan tetapi tidak ada tindakan. Jadi, apakah ertinya kalau perkara ini berlaku kita harapkan polis untuk mengambil tindakan, tetapi polis tidak bertindak? Itu bererti kerajaan rugi untuk membayar elaun-elaun mereka ataupun membelanjakan wang untuk deployment, dengan izin, pasukan polis semasa pilihan raya itu. Saya rasa tidak ada tindakan yang diambil bukan kerana perkara ini telah berlaku di dalam pondok Barisan Nasional pada waktu itu. Saya harap pihak kementerian yang berkenaan akan memberi penjelasan.

Tuan Pengerusi, memang saya juga ingin mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada polis, oleh kerana di Sabah memang banyak perkara yang aneh berlaku, memandangkan banyak pengundi-pengundi palsu dan juga pengundi-pengundi palsu ini diperalatkan oleh sesetengah orang dan sanggup untuk menggadai nyawa untuk pergi mengundi. Saya menyebutkan perkara ini oleh kerana di bahagian Keningau, berlaku di mana pihak pendatang asing telah datang beramai-ramai untuk mengambil tempat mereka untuk mengundi, tetapi pihak polis terpaksa berkawal dan ini menambahkan masalah bagi pihak polis. Saya harap perkara ini tidak akan berlaku lagi di negeri Sarawak.

Saya membangkitkan perkara ini, oleh kerana kadangkala masalah timbul disebabkan adanya penyelewengan oleh beberapa pihak dan seharusnya sebelum perkara ini berlaku, pihak polis perlu bertindak terlebih awal supaya ini tidak akan berlaku. Bagi maksud ini saya harap pihak jabatan polis akan menyiasat laporan-laporan yang dikemukakan tentang rakyat asing didaftar sebagai pengundi oleh kerana adalah lebih baik dia mengawal sebelum mereka menjadi pengundi ataupun datang untuk pergi mengundi supaya mereka tidak dapat

mengundi, oleh kerana waktu mengundi nanti sudah tentulah keadaan yang 'tense situation', dengan izin, boleh mencetuskan satu perkara yang tidak diingini. Mujurlah apa yang saya katakan di Keningau itu polis dapat mengawal, sebab itulah saya mengucapkan tahniah kepada polis oleh kerana dapat menjalankan tugas, tetapi satu perkara yang saya tidak senang iaitu mereka melindungi pula orang yang datang pergi mengundi, walaupun mereka ketahui bahawa mereka ini adalah rakyat asing - itu tidak seharusnya berlaku.

Tuan Pengerusi, saya fikir semua negara perlu mempertahankan di dalam 'at all host', dengan izin, demokrasi di dalam negara kita ini. Kalau tidak, segala harapan rakyat terutama generasi muda kita akan hancur dan kekayaan negara kita juga kalau sudah retak ataupun demokrasi tergadai, maka tidak ada ertilah kita akan mengharapkan ataupun membuat segala persiapan bagi generasi akan datang.

Kita faham di sesetengah negara mereka tidak mampu untuk membiayai proses demokrasi, maka retaklah atau hancurlah demokrasi di situ sehingga keadaan kucar-kacir. Kita bersyukur kepada Allah kerana kita bukan sahaja mampu untuk membiayai proses demokrasi ataupun pilihan raya di negara kita ini, tetapi semua pihak masih boleh mengharapkan kewibawaan bukan sahaja jabatan polis, tetapi Suruhanjaya Pilihanraya memang masih banyak yang perlu hendak diperbaiki.

Saya harap di dalam pilihan raya negeri Sarawak nanti polis tidak akan mengambil tindakan berat sebelah di dalam segala keadaan sekali pun supaya mereka dapat mempertahankan profesion mereka yang sebaik-baiknya.

Saya rasa itu sahaja yang saya ingin sumbangkan, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

5.57 ptg.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting):** Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Tuaran yang telah membangkitkan beberapa perkara yang berkaitan dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Walaupun perkara-perkara yang dibangkitkan itu adalah berlaku di Sabah dan tajuk yang kita bincang spesifik pada hari ini adalah untuk pilihan raya dan tugas polis yang akan datang di Sarawak. Tetapi saya menghargailah beberapa teguran, ada dakwaan dan ada juga pujian.

Saya ingin memberi jaminan di sini dari segi pendirian Kementerian Dalam Negeri iaitu Kerajaan Persekutuan, kita tidak akan mengizinkan atau membenarkan terutamanya pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam masa melaksanakan tugasnya akan menjejaskan imej ataupun integriti polis. Kami masih yakin dan ada keyakinan yang secukupnya terhadap Polis Diraja Malaysia terutamanya apabila mereka menguruskan hal-hal semasa pilihan raya di mana-mana sahaja.

Yang Berhormat dari Tuaran telah membangkitkan beberapa insiden sepertimana Yang Berhormat sendiri telah jawab iaitu saya perlu masa untuk mendapatkan laporan bagi memperhatikan. Sebenarnya laporan polis itu apakah perkembangan terbaru? Itu saya perlu masa untuk meneliti sebelum dapat menjawab dengan secara lebih tepat.

Mengenai sama ada polis akan bertugas secara adil, saya telah kata pendirian kerajaan ialah kita mahu adil dan saya rasa pihak polis pun adalah satu pasukan profesional yang sentiasa adil. Kalau sekiranya ada apa-apa kelemahan dari semasa ke semasa kita memang memperbaiki kelemahan-kelemahan yang sedia ada.

Oleh sebab itulah awal-awal lagi sekarang kita sudah minta peruntukan tambahan untuk bersiap sedia bagi menghadapi pilihan raya di Sarawak. Ini merupakan satu tujuan dan niat yang baik di mana kita mahu supaya pilihan raya di Sarawak akan dijalankan belum kita tahu tetapi kita bersiap sedia awal supaya segalanya akan berjalan dengan licin, adil dan tidak ada apa-apa perkara yang tidak diinginkan akan berlaku. Saya yakin apa-apa yang negatif yang dikatakan timbul di Sabah tetap tidak akan timbul di Sarawak.

Saya rasa inilah yang dapat saya menjawab setakat apa yang telah dibangkitkan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM5,700,000 untuk Maksud B.36 di bawah Kementerian Dalam Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM5,700,000 untuk Maksud B.36 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Maksud B.42 dan B.43 (Jadual)-**

**Tuan Pengerusi:** Kepala B.42 dan B.43 di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat sekarang terbuka untuk dibahas. Kepong.

6.02 ptg.

**Dr. Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Pengerusi, B.42— adalah baik untuk kita membuka 50 buah kelas Tabika yang baru dalam tahun ini. Ini merupakan satu langkah yang baik.

Walau bagaimanapun, saya pun tidak tahu sama ada kementerian ini ada mempertimbangkan cara-cara yang lebih

baik termasuk mengadakan pusat serenti termasuk Tabika iaitu apabila ibu meletakkan kanak-kanak di kelas Tabika ada perkhidmatan yang lain seperti ibu itu pergi bekerja. Bila pergi bekerja ada baju-baju yang perlu dibersihkan, mereka tak sempat untuk memasak dan sebagainya dan kalau kita ada pusat serenti untuk ibu maka mereka boleh membasuh pakaiannya di pusat tersebut dan juga apabila balik daripada bekerja, mereka boleh membeli makanan yang disiapkan di pusat seumpama ini. Dengan demikian, kita boleh menggalakkan lebih banyak ibu dan wanita-wanita yang menjadi suri rumah sekarang keluar untuk bekerja.

Inilah yang saya nampak ada dasar Kementerian Sumber Manusia untuk flexy wage dan sebagainya. Salah satu tujuan utamanya ialah menggalakkan wanita untuk keluar bekerja dan kalau hendak keluar bekerja kita mesti ada kemudahan-kemudahan yang cukup termasuk kelas Tabika dan pusat serenti sepertimana yang telah saya sebutkan tadi.

Saya berharap kementerian yang berkenaan dapat mempertimbangkan cadangan ini. Saya diberitahu bahawa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pun ada bermula dengan satu cubaan, satu pusat serenti seumpama ini, tak silap saya di Titiwangsa. Saya berharap pusat serenti akan berjaya dan ini satu tapak permulaan untuk menggalak lebih banyak wanita bekerja dan kita tidak payah mengambil pekerja daripada negara-negara asing.

Tuan Pengerusi, satu perkara yang penting mengenai Maksud B.43 Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Di sini ada peruntukan tambahan sebanyak RM3.5 juta untuk membiayai bantuan persekolahan anak-anak Orang Asli.

Memandangkan persekolahan ataupun pendidikan bagi rakyat Malaysia termasuk anak-anak Orang Asli, maka saya tidak ada bantahan ataupun apa-apa mengenai

tambahan seumpama ini tetapi saya nampak pihak Kementerian Pendidikan sudah pun mengumumkan bahawa semua 94 sekolah Orang Asli akan diambil alih oleh pihak Kementerian Pendidikan. Ini menimbulkan masalah peralihan.

Saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat meneliti masalah ini. Padang Terap tidak begitu berminat dengan Orang Asli kerana tidak ada kepentingan politiknya, tak pernah membincangkan mengenai Orang Asli, kerana di Padang Terap itu tak ada Orang Asli.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Ya, Jelebu bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ha, Jelebu tak ada Orang Asli.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Pengerusi, mohon penjelasan.

**Tuan Pengerusi:** Hendak beri jalan atau tidak?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Pengerusi, Kepong ini bercakap nampaknya macam dia hebat sangat dan pakar dalam hal ehwal Orang Asli. Saya hendak taulah, di Kepong ini adakah Orang Asli? Kalau di Jelebu, insya-Allah, memang ramai Orang Asli dan selepas Kepong bercakap, saya hendak bercakap. Terima kasih.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ha, itu sahaja penjelasan. Malang sekali!

**Tuan Pengerusi:** Ya, dia tanya di Kepong ada Orang Asli atau tidak?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Memang ada, dekat dengan Kepong ada di Bukit Lanjan pun ada walaupun sekarang dikeluarkan daripada kawasan Kepong tetapi Bukit

Lanjan itu kawasan Orang Asli, lima tahun yang lepas di dalam kawasan Kepong, sekarang sudah dipisahkan.

**Tuan Pengerusi:** Sekarang sudah tidak adalah ya?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Sekarang tak adalah. (*Ketawa*)

Tetapi ini tidak bermakna saya tidak pernah pergi ke kawasan itu, ini tidak bermakna saya tidak pernah melawat kawasan Orang Asli, saya pernah, cuma kerana persempadanan semula kawasan saya dan kawasan Orang Asli dikeluarkan daripada kawasan saya. Itu sahaja!

Ini tidak bermakna tak ada kena mengena dengan saya. Kalau Jelebu berminat dengan masalah ini, saya berharap dia boleh bersama-sama kita mendalami masalah yang dihadapi oleh Orang Asli sekarang terutamanya mengenai pendidikan. Tetapi saya tidak pernah mendengar Ahli Yang Berhormat dari Jelebu menyebut mengenai masalah lebih 17,000 pelajar-pelajar Orang Asli yang menghadapi masalah sekarang. Ketika masa peralihan pengambilan alih daripada Kementerian Pendidikan yang telah pun diumumkan oleh pihak menteri pada 14hb Februari tahun ini. Dengan pengumuman sedemikian, masalah wujud. Apa masalahnya, Tuan Pengerusi? Misalnya sekarang ada mungkin lebih 2,000 pelajar-pelajar Orang Asli tak dapat belajar kerana tidak ada guru—masalah guru.

Tuan Pengerusi, sebelum ini pegawai-pegawai yang bekerja di Jabatan Orang Asli, mereka dilatih sebagai bukan graduan oleh kementerian untuk menjadi guru. Selepas latihan untuk menjadi guru oleh kementerian, mereka pergi sebagai guru-guru di sekolah-sekolah Orang Asli di 94 buah sekolah jumlahnya di kawasan-kawasan terpencil dan mungkin kerana mereka biasa dengan kerjanya dan mereka tidak bersara dengan lebih awal ataupun

dengan option ataupun minta dikeluarkan daripada kawasan itu oleh kerana tidak suka, tetapi pada masa sekarang kita nampak ada guru yang dihantar oleh Kementerian Pendidikan ke sekolah-sekolah Orang Asli tetapi mereka tidak suka berkhidmat di kawasan itu kerana tidak biasa dengan kawasan terpencil seperti ini. Dengan ini wujudlah kekurangan guru-guru di sekolah-sekolah Orang Asli. Jelebu memang tidak begitu prihatin mengenai hal seperti ini, saya berharap.....

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Yan bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Yan tidak ada Orang Asli.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Point of order.

**Tuan Pengerusi:** Point of order, ya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Macam mana point of order pula?

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** 35(1), Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Pengerusi memberi peluang kepada Yang Berhormat bercakap, tetapi mengikut peraturan dia kena bercakap dengan mengarahkan ucapan kepada Tuan Pengerusi. Jadi, dia dok tengok rata, macam menjual ubat, jadi, minta ikut peraturan.

**Tuan Pengerusi:** Sila Kepong. Barangkali sebelah sini tidak berapa cantik kot! (*Ketawa*)

**Dr. Tan Seng Giaw:** Memang cantik, tetapi dari masa ke semasa saya hendak tukar selera sedikit. Memang di Yan tidak

ada Orang Asli, mungkin ada orang Siam. Orang Asli tidak ada.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Pengerusi, minta penjelasan. Di Yan ramai orang Acheh, bukan Orang Asli atau Orang Siam. Orang Siam ramai di kawasan Padang Terap dan kawasan Pokok Sena.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, masalah kekurangan guru di sekolah-sekolah Orang Asli memang mestilah diselesaikan dengan cepat kerana di sekolah-sekolah seperti di kawasan-kawasan pedalaman di Kelantan, di Pahang dan di Sarawak memang mereka menghadapi masalah kekurangan guru dengan serius dan perlu kita memberi perhatian yang cukup untuk menyelesaikan masalah ini.

Tuan Pengerusi .....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, oleh kerana kita hanya ada 4 kementerian sahaja lagi dan besok kita ada 3 jam.

**Tuan Pengerusi:** Ya, tetapi kalau sekiranya kita boleh menyelamatkan masa besok, kita boleh masuk kepada Rang Undang-undang yang lain dengan kerana kita ada 18 lagi Rang Undang-undang.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ada 18, tetapi yang 6 itu bertindih-tindih dan 2 bertindih.

**Tuan Pengerusi:** Itu bukan soal saya, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Jadi bermakna kita ada 8 rang undang-undang yang mengambil masa tidak begitu panjang.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Kepong ini lebih daripada

bertindih kalau dia dok bersebang macam ini.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Macam mana tindih pula - ada masalah lagi daripada sekolah-sekolah Orang Asli, bukan setakat kekurangan guru, insentif-insentif yang diberi kepada pegawai-pegawai dan juga guru-guru di sekolah-sekolah Orang Asli.

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah Yang Berhormat, masalah Yang Berhormat sudah cukup. Jelebu.

6.16 ptg.

**Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu):** Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat dari Kepong kerana memberi laluan.

Tuan Pengerusi, saya suka hendak memberi sedikit pandangan mengenai dengan B.42. Pertamanya saya menyokong di atas langkah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, terutamanya bagi Jabatan Perpaduan Negara yang telah pun mengambil langkah yang begitu progresif dan juga positif untuk menubuhkan 50 buah tabika bagi tahun ini.

Tuan Pengerusi, di samping itu inginlah saya memberi sedikit sebanyak pandangan apabila tabika telah ditubuhkan tentunya pihak kementerian akan menentukan sama ada tabika ini akan benar-benar dapat berfungsi bagi mencapai hasrat dan juga tujuan penubuhan tabika-tabika ini. Di samping bangunan yang selesa, peralatan haruslah dilengkapkan, jangan ada bangunan tabika yang dibangunkan masih tidak ada peralatan yang cukup, alat bantuan mengajar, makanan untuk anak-anak, guru-guru yang terlatih dan juga bekalan api dan air yang harus dilengkapkan. Kita tidak mahu melihat ada di antara bangunan-bangunan tabika yang didirikan tetapi masih serba kekurangan dan mereka akan cuba mengintai-intai peruntukan daripada Wakil Rakyat.

Jadi, inilah yang kita harus ingatkan supaya perancangan yang dibuat, kalau peruntukan yang diperlukan mengikut justifikasi yang dibuat, haruslah cukup dan memadai dan akan boleh membuatkan sesuatu bangunan tabika itu akan dapat berfungsi sepenuhnya.

Tuan Pengerusi, di samping itu pihak jabatan juga haruslah menentukan lokasi di mana bangunan tersebut didirikan dan dibina. Jangan sampai ada tempat-tempat yang tidak bersesuaian yang ada tabika yang lain, tetapi Jabatan Perpaduan juga membina tabika yang sama di kawasan berkenaan. Ini akan menimbulkan kesan pertindihan dan juga ketidakselesaan dan rasa serba salah di kalangan ibu bapa yang hendak menghantar anak-anak mereka bagi mendapatkan pengajian di peringkat awal persekolahan ini.

Tuan Pengerusi, selain daripada peralatan-peralatan yang harus dibekalkan kepada tabika berkenaan, buku-buku rujukan dan peralatan mengajar juga haruslah ditentukan kesesuaiannya. Jangan ada tabika-tabika ini yang mempunyai serta kekurangan peralatan dan juga prasarana yang lain. Jadi, saya ingin mengingatkan perkara ini kerana ianya berlaku di kawasan Parlimen Jelebu sendiri, di mana terdapat pada mulanya bilangan anak-anak yang belajar di tabika berkenaan agak begitu baik dan ramai, tetapi selepas beberapa bulan, ianya terus berkurangan tanpa sambutan yang menggalakkan kerana telah banyak persaingan dengan kelas-kelas tabika yang lain seperti tabika Risda, Kemas dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, di samping itu saya juga ingin menyentuh tentang B.43 Jabatan Hal Ehwal Orang Asli yang mana telah banyak dikupas oleh Kepong tadi. Saya ingin hendak mengingatkan Ahli Yang Berhormat dari Kepong, di Parlimen Jelebu, ada lebih kurang 5,000 lebih Orang Asli, jadi, pengundi saya lebih



kurang 2,000 tetapi di Kepong seorang pun tidak ada. Jadi saya ingat saya boleh mengulas lebih daripada apa Yang Berhormat Kepong suarakan tadi.

Tuan Pengerusi, mengenai dengan pembiayaan kepada anak-anak Orang Asli sebanyak RM3.5 juta, kita mengucapkan syabas dan tahniah di atas langkah jabatan kerana telah memperuntukkan sebanyak RM3.5 juta untuk ditambah dan diagihkan kepada soal pendidikan anak-anak Orang Asli.

Apa yang harus ditekankan, Tuan Pengerusi, ialah kita haruslah melihat kepada peluang-peluang pembelajaran dan juga pendidikan anak-anak Orang Asli. Kerana rata-ratanya, walaupun bantuan-bantuan telah diberikan di segi pakaian, bantuan permakanan, belanja sekolah, tambang sekolah, buku, bantuan rawatan kesihatan, namun terdapat lagi anak-anak Orang Asli yang tidak dimotivasikan atau yang tidak diberikan motivasi yang secukupnya untuk mereka hadir ke sekolah-sekolah, walaupun dalam keadaan di mana perbelanjaan ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan.

Ini berlaku, Tuan Pengerusi, di mana guru-guru ataupun pegawai-pegawai Orang Asli sendiri yang bersikap negatif terhadap kebajikan dan juga pendidikan anak-anak Orang Asli. Apatah lagi ketua-ketua masyarakat mereka yang tidak pernah ditemui dan dibincangkan, bagaimanakah jabatan dapat membantu untuk mempertingkatkan minat di kalangan anak-anak Orang Asli untuk menambah pelajaran dan juga meneruskan pendidikan di sekolah-sekolah yang disediakan? Di samping masalah kemudahan-kemudahan prasarana yang lain, sebenarnya memang terdapat permasalahan bagaimana anak-anak Orang Asli ini untuk di bawa ke kawasan luar, kawasan persekolahan yang terletak lebih jauh daripada tempat tinggal mereka, 20 ke 30 kilometer jauhnya.

Ini berlaku, Tuan Pengerusi, di kawasan Parlimen Jelevu sendiri. Saya mempunyai lebih kurang 15 perkampungan Orang Asli di kawasan Parlimen Jelevu. Jadi, apa yang menyedihkan pada waktu ini, pegawai-pegawai Jabatan Orang Asli tidak begitu agresif untuk memberikan semangat dan juga dorongan kepada anak-anak Orang Asli untuk terus mendapatkan pelajaran dan pengajian. Ditambah pula lagi dengan peranan pihak pegawai pengembangan masyarakat Orang Asli. Ini juga menunjukkan satu sikap yang negatif, yang tidak mahu memberikan dorongan, semangat, bimbingan, tunjuk ajar dan sebagainya kepada masyarakat Orang Asli. Begitu juga dengan kumpulan-kumpulan pemimpin masyarakat Orang Asli sendiri. Mereka menjauhkan diri.

Jadi, apa yang saya harapkan supaya kementerian akan dapat memberikan tumpuan. Kita bersedia membelanjakan jutaan ringgit, tetapi haruslah dasar dan juga perancangan yang dirangka oleh jabatan dan kementerian itu dapat dilaksanakan dengan baik dan berkesan. Kita mahu melihat perbelanjaan yang disediakan tidak dibazirkan begitu sahaja tanpa perancangan yang teratur dan terurus. Terima kasih.

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Sila.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, memang ada perkara-perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Jelevu tadi adalah benar. Walau bagaimanapun, adakah Yang Berhormat sedar bahawa pihak Kementerian Pendidikan sudah pun mengumumkan untuk mengambil alih 94 buah sekolah rendah Orang Asli? Di Jelevu berapa buah sekolah rendah Orang Asli? Yang kedua, di seluruh negara ada hampir 18,000 pelajar Orang Asli di sekolah rendah, dan apakah bilangan pelajar Orang Asli di sekolah rendahnya? Soal yang ketiga, kerajaan sudah pun umumkan semasa

pengambilalihan sekolah-sekolah tersebut memperuntukkan RM45.5 juta peruntukan untuk memperbaiki sekolah untuk membangunkan sekolah ini, dan juga tiap-tiap tahun RM7.2 juta untuk penyelenggaraannya.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat patut bertanya kepada Timbalan Menteri. Bertanya dia buat apa? (*Ketawa*)

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Saya janji tidak bercakap, Tuan Pengerusi. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya bukan tanya dia. Itu maklumat kepada dia supaya.....

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah.

**Dr. Tan Seng Giaw:**..... sama ada dia setuju ataupun tidak.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** 'Syelok'!

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Pengerusi, sepatutnya beliau akan menanyakan kepada Timbalan Menteri ataupun Menteri. Kalau hendak bertanya saya, tunggulah giliran saya pula di situ, insya-Allah. (*Ketawa*) Saya sebenarnya, Tuan Pengerusi, Orang Asli yang ada di kawasan Parlimen saya, saya tahu, berapa sekolah yang ada, berapa murid yang belajar, berapa muridnya yang tidak belajar, kenapa tidak belajar. Kalau Ahli Yang Berhormat dari Kepong hendak tahu jemput datang ke Jelebu. Tak dapat saya ceritakan dalam Dewan ini, sebab mengambil masa yang begitu panjang. Terima kasih, di atas maklumat yang diberikan.

Tuan Pengerusi, saya memang sedar bahawa Kementerian Pendidikan akan mengambil alih sekolah-sekolah Orang Asli. Di dalam Parlimen Jelebu, kita hanya mempunyai satu sekolah rendah Orang Asli, dan mempunyai lebih daripada 150

murid yang belajar. Tetapi lain-lain masyarakat anak-anak Orang Asli di kampung-kampung lain menumpang belajar di sekolah-sekolah rendah Melayu yang lain. Jadi, tidak ada sekolah rendah Orang Asli yang khusus yang dibina selain daripada yang satu buah di Kampung Putra. Cukupkah Yang Berhormat? Puas, ya!.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup. (*Ketawa*)

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Jadi, sebelum itu, Tuan Pengerusi, saya menyokong cadangan ini dan pohon ianya dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Telok Kemang.

6.25 ptg.

**Dr. L. Krishnan (Telok Kemang):** Terima kasih, Tuan Pengerusi, kerana memberi saya peluang untuk memberi sumbangan kepada perbincangan bagi Maksud Perbekalan B.42. Terlebih dahulu saya ingin ucapkan syabas dan tahniah kerana membiayai kelas-kelas Tabika yang boleh dikatakan bertaraf tinggi dan teratur yang dijalani oleh guru-guru Tabika yang mampu dan efisien.

Tuan Pengerusi, di kawasan bandar, ibu bapa sememangnya sedar akan kepentingan pendidikan prasekolah. Oleh itu, banyak Tabika-tabika telah didirikan di merata-rata tempat oleh badan-badan swasta dan orang perseorangan. Malah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dan juga Kementerian Pendidikan telah memulakan beberapa kelas-kelas Tabika atau prasekolah di kawasan-kawasan bandar.

Manakala di kawasan-kawasan luar bandar dan kawasan-kawasan perladangan pula, ibu bapa telah mula sedar akan

kepentingan kelas-kelas prasekolah. Tabika-tabika swasta pula sangat kurang di kawasan-kawasan seperti ini, dan yang ada pun ialah terlalu bertaraf rendah dan dibiayai oleh pihak majikan. Oleh yang demikian, ibu bapa-ibu bapa terutamanya di kawasan perladangan tidak menghantarkan anak-anak ke kelas-kelas prasekolah sama ada kerana ia tidak wujud atau terlalu bertaraf rendah.

Tuan Pengerusi, mutu persembahan murid-murid, misalnya UPSR di sekolah-sekolah seperti ini di kawasan ladang adalah lemah berbanding dengan mutu persembahan murid-murid di sekolah-sekolah kebangsaan di kawasan bandar. Salah satu daripada sebabnya ialah kerana murid-murid tersebut tidak pernah mendapat pendidikan prasekolah yang bertaraf tinggi. Oleh yang demikian, kita perlu mengambil serius akan perkara ini kerana kita mahu penduduk-penduduk dari luar bandar untuk sama-sama menikmati kemajuan dan arus pembangunan negara kita.

Saya berharap, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat akan pertimbangkan perkara ini dan menggunakan tambahan sebanyak RM1 juta yang dikehendaki ini untuk membiayai dan membuka kelas-kelas Tadika di semua sekolah-sekolah Tamil di negara kita ini.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, panjang lagikah?

**Dr. L. Krishnan:** Habis. Itu sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Itu sahaja?. (*Ketawa*)

**Dr. L. Krishnan:** Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Kita sambung esok.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula*

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

6.30 ptg.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Tuan Tan Chai Ho):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan (Tuan Chor Chee Heung):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

## UCAPAN PENANGGUHAN

### PENGGUNAAN BAHASA KEBANGSAAN PADA PAPAN TANDA DAN IKLAN

6.31 ptg.

**Tuan Tan Kok Wai (Cheras):** Tuan Yang di-Pertua, isi dan kandungan ucapan saya secara ringkas telah pun saya kemukakan kepada kementerian dan saya minta jawapan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tidak boleh macam itu. Yang Berhormat kena mengemukakan ucapan.

**Tuan Tan Kok Wai:** Tuan Yang di-Pertua, tidak perlulah kerana saya faham kalau saya meneruskan ucapan saya, pastilah ucapan saya akan 'dibunuh' oleh mereka yang tidak bertanggungjawab di sana.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat Jelebu.

**Tuan Tan Kok Wai:** Tengok. Inilah! Sebelum Yang Berhormat mengemukakan point of order, saya ingin membuat satu cadangan di sini kepada Tuan Yang di-Pertua....

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua....

**Tuan Tan Kok Wai:** Ini tidak bermakna pada enam hari yang lepas, hanya satu hari di mana Ucapan Penangguhan tidak 'dibunuh'. Kalau begitu, tidak perlulah Ucapan Penangguhan ini diadakan. Lebih baik Peraturan Mesyuarat dipinda dan memansuhkan Ucapan Penangguhan. Teruskan dengan point of order tidak cukup kuorum.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, kuorum kita tidak cukup sebenarnya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. Cuba bilang. 10 orang sahaja. Minta bunyikan loceng.

*Loceng dibunyikan.*

*(Ahli-ahli dikira: kurang daripada 26 ahli hadir)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab tidak cukup kuorum, saya tangguhkan mesyuarat hingga pukul 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.34 petang.*